



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

"PADAHAL mereka tidak diperintahkan melainkan menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya semata-mata lagi tetap berdiri teguh atas dasar tauhid dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus".  
(Surah Al-Bayyinah, ayat 5).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.57 SUBUH 5.07 SYURUK 6.24 DUHA 6.47 ZUHUR 12.29 ASAR 3.36 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 35

20 MAC 2024 / 1445 9 رمضان

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

## KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2).

## Kesihatan mulut asas kesejahteraan hidup

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac.

- Mulut kita akan mengalami masalah jika tidak diberi perhatian khusus. Faktor risiko utama kerosakan gigi seperti tembakau dan pemakanan yang mengandungi lemak, garam dan gula yang tinggi boleh menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik, termasuk penyakit mulut.

Menyatakan bahawa kesihatan mulut merupakan sebahagian penting dalam hidup manusia, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar seterusnya menyatakan 90 peratus daripada penduduk di seluruh dunia akan mengalami penyakit mulut sepanjang hayat mereka, di antaranya adalah karies

gigi (kerosakan gigi), penyakit periodontal (penyakit gusi) dan juga kanser mulut. Manakala 60 peratus hingga 90 peratus kanak-kanak sekolah mengalami kerosakan gigi dan sakit gigi adalah sebab utama ketidakhadiran sekolah dan kerja.

"Kajian telah membuktikan bahawa keadaan mulut yang tidak sihat akan memberi kesan negatif kepada kesihatan badan. Masalah kesihatan mulut, terutamanya penyakit gusi mempunyai kaitan dengan penyakit lain seperti penyakit kardiovaskular (jantung), diabetes (kencing manis), pneumonia (paru-paru berair) dan boleh

mengakibatkan kelahiran pramatang.

"Menurut Kaji Selidik Kesihatan Mulut Kebangsaan atau National Oral Health Survey 3 (NOHS) pada tahun 2015-2017, peratusan kerosakan gigi yang tidak dirawat adalah 71.5 peratus dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun, dan 64 peratus pada kalangan dewasa," kongsi Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2024 dengan tema tahun ini ialah 'Mulut Sihat Adalah... Badan Sihat (A Happy Mouth is... A Happy Body)'.

>> Muka 4

## Penambahbaikan, penaiktarafan perkhidmatan kesihatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Selaras dengan perancangan strategik Kementerian Kesihatan untuk sentiasa berusaha mengukuhkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang awam demi peningkatan kualiti hidup rakyat se pertimana matlamat Wawasan

Brunei 2035, beberapa inisiatif telah berjaya dilaksanakan yang menjurus kepada penambahbaikan dan penaiktarafan di dalam perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang disediakan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, ia termasuk pengubahsuaian dan penaiktarafan infrastruktur seperti pertama, pengubahsuaian dan penaiktarafan dua buah bilik bedah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) khusus

bagi pembedahan mata, ortopedik dan neurosurgery.

Kedua, tambahan blok baharu di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong yang akan mula digunakan dalam sedikit masa lagi di mana blok baharu itu menempatkan kemudahan-kemudahan bagi Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak.

>> Muka 5



## Berita Utama



MEREBUT ganjaran pahala berlipat ganda

Muka 17



3,581 anak yatim terima sumbangan

Muka 19



MEMPERBANYAK perwakilan wanita dalam profesion keselamatan, kesihatan

Muka 27



RENCANA

HIASI Ramadan dengan membaca Al-Quran

Muka 30

# Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad, yang berlangsung di Istana Nurul Iman, petang tadi.

Pada Majlis Mengadap itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertukar-tukar pandangan bersama Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli tentang perkara-perkara berkepentingan bersama dan untuk meneroka peluang-peluang kerjasama khususnya dalam memperkasa belia; serta mengenai bantuan kemanusiaan antarabangsa,

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad (kiri dan kanan).**

antaranya penghantaran bantuan kemanusiaan dalam bentuk barang makanan ke Palestin secara air drop hasil kerjasama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Hasyimiah Jordan baru-baru ini.

TYT turut mengongsikan pengalaman Republik Singapura dalam mengantar bantuan

sedemikian ke Palestin sebelum ini.

Menyertai TYT pada Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay, dan Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Kadir Maideen.

Juga hadir ialah Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

TYT berada di negara ini bagi Lawatan Kerja sempena bulan Ramadan selama tiga hari yang bermula daripada 18 hingga 20 Mac 2024.

## WAKTU SEMBAHYANG

Mac MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	RABU	9	4.57	5.07	6.24	6.47	12.29	3.36	6.31	7.40
21	KHAMIS	10	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.36	6.31	7.40
22	JUMAAT	11	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	SABTU	12	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.35	6.31	7.40
24	AHAD	13	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	ISNIN	14	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
26	SELASA	15	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
	www.met.gov.bn	

## SIDANG PENGARANG

20 MAC 2024

### Ramadan : Bulan mempertingkatkan ibadah

**S**ESUNGGUHNYA ibadah berpuasa mempunyai hikmah dan rahsia yang tersendiri iaitu melatih diri menjadi hamba yang bersyukur. Ini kerana semasa berbuka puasa, perasaan syukur pasti akan terbit di dalam jiwa umat Islam yang telah berjaya mengharungi puasa pada siang hari dan juga ketika menikmati rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu berupa juadah berbuka.

Selain itu, ia juga melatih diri menjadi hamba yang sabar. Dengan berpuasa setentunya akan melatih diri kita menjadi orang yang sabar. Ini kerana dugaan ketika menjalani ibadah puasa itu terlalu banyak. Sebagai contoh, kita berjaya bersabar untuk menahan diri kita daripada makan dan minum pada siang hari bulan Ramadan.

Mungkin ada sebilangan orang yang berasa dirinya tidak kuat atau tidak tahan ketika di bulan Ramadan tetapi kerana takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala lah yang menjadikan seseorang itu berjaya dan mampu bersabar menunggu sehingga waktu berbuka. Inilah kehebatan puasa di mana puasa itu dapat membentuk hati manusia untuk menjadi orang yang lebih sabar.

Seterusnya, berpuasa juga melatih diri untuk menjadi hamba yang taat beribadah. Ini kerana bulan Ramadan adalah bulan di mana umat Islam lebih menumpukan perhatian mereka mengerjakan ibadah-ibadah berbanding dengan urusan-urusan yang lain.

Dalam bulan inilah umat Islam akan lebih istiqamah berjemaah di masjid, membaca Al-Quran, berzikir, Qiamlail dan lain-lain lagi. Setentunya ibadah yang kita lakukan di dalam bulan ini akan menjadi pendorong kepada kita untuk melakukan ibadah yang sama di bulan-bulan lain.

Oleh yang demikian, bulan Ramadan ini adalah kesempatan yang terbaik bagi kita untuk memperbaiki diri dari sudut ibadah dan *taqarrub* kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengerjakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala apa yang dilarang. Adalah menjadi kerugian jika sekiranya di bulan ini, kita hanya sekadar berpuasa pada siang hari, tetapi kita melepaskan peluang untuk memperbaiki diri, meningkatkan amalan, membiasakan diri dengan sedekah dan seumpamanya.

Sesungguhnya bulan Ramadan ini adalah bulan istimewa kerana pada bulan ini adalah bulan istimewa kerana pada bulan ini dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan dibelenggu. Justeru, sebagai hamba Allah yang sering melakukan kesilapan dan kekhilafan, janganlah kita melepaskan peluang di bulan yang mulia ini untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan dan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dijauhkan kita dari azab api neraka.

Maka dalam kesempatan ini kita berada di bulan Ramadan, marilah kita istiqamah dalam beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita hanya rajin beribadah di awal-awal minggu Ramadan seperti Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir, membaca Al-Quran dan lain-lain.

Akhirnya, marilah kita berusaha mempertingkatkan amal ibadah kita di sepanjang bulan Ramadan ini dan berazam agar amalan yang kita kerjakan di bulan ini akan berterusan di bulan-bulan yang lain. Kita juga berdoa semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang ikhlas dalam membuat amal kebajikan dan segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (Zk)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن فراغن، جابن فردان منtri دان ڈچیق اوله فرینت ڈس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL YSHHB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, di sini.

Berangkat pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)

Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Bacaan Yaa Siin dan Tahlil diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat.

Majlis berkenaan adalah salah satu daripada aktiviti tahunan YSHHB pada bulan Ramadan.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; para pegawai dan kakitangan YSHHB, pelajar Sekolah Menengah YSHHB, ahli-ahli Alumni Sultan's Scholar YSHHB, sukarelawan YSHHB dan penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke atas makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



## ATLET ISB MENANG 109 PINGAT DI FOBISIA GAMES



Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei



**ANAKANDA** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berangkat dan ikut serta bertanding pada acara Under-13 Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Games 2024 (kiri). Manakala gambar atas dan bawah kiri, antara sukan yang disertai oleh atlet Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Atlet pelajar dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) mempamerkan prestasi luar biasa pada Under-13 Federation

of British International Schools in Asia (FOBISIA) Games 2024 di Pattana Sports Resort, Thailand dengan memenangi 109 pingat yang mengagumkan termasuk 63

emas, 27 perak dan 19 gangsa.

Turut berangkat dan ikut serta bertanding pada acara tersebut ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah berserta beberapa pelajar di sekolah berkenaan.

Kontinen ISB terdiri daripada atlet bawah 13 tahun di sekolah tersebut serta tiga orang guru pengiring. Sukan ini merangkumi kedua-dua aktiviti sukan individu dan berpasukan, di mana peserta bertanding dalam olahraga, bola keranjang, bola sepak dan renang. Acara tersebut turut menyaksikan atlet pelajar ISB bersaing dengan sekolah antarabangsa dari China, Malaysia, Korea Selatan dan Viet Nam.



Semasa meraikan pencapaian mereka, pasukan ISB bawah 13 tahun mengucapkan terima kasih kepada jurulatih mereka semasa menjalankan sesi latihan dan memberikan sokongan sebelum dan semasa temasya. Kontinen juga mengucapkan terima kasih kepada Bello Café, Ishajaya Technology Sdn. Bhd., dan New Star Box atas sokongan dan sumbangan mereka kepada pasukan.

"Menangi sebanyak 109 pingat adalah sangat luar biasa. Tahniah kepada seluruh pasukan atas pencapaian yang begitu hebat. Selain pingat, hakikat bahawa mereka telah mengambil bahagian dan berusaha untuk mencapai yang terbaik adalah penting."

"Saya juga ingin mengucapkan

terima kasih kepada ibu bapa pelajar kerana menggalakkan anak-anak mereka untuk bersama dan menjadi sebahagian daripada pasukan ISB," ujar Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley.

"Sungguh menyeronokkan untuk melatih para atlet ini. Mereka telah membanggakan kedua-dua ISB dan ibu bapa mereka. Setiap satu daripada 109 pingat itu sangat layak," kata Guru Pendidikan Jasmani ISB, Alison Venn.

FOBISIA Games ialah pertandingan sukan tahunan yang diadakan selama tiga hari yang melibatkan sekolah antarabangsa di Asia. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk bersaing di pentas antarabangsa menentang atlet lain dari sekolah antarabangsa di rantau ini.

## Kesihatan mulut asas kesejahteraan hidup

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Kementerian Kesihatan

### >> Muka 1

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan Hari Kesihatan Mulut Sedunia atau World Oral Health Day (WOHD) yang dianjurkan oleh badan perwakilan utama untuk profesion pergigian di seluruh dunia, FDI World Dental Federation, diraikan pada 20 Mac setiap tahun di peringkat antarabangsa untuk memperingati manfaat mempunyai mulut yang sihat.

Hari yang penting ini juga memberi landasan kepada profesion pergigian untuk menggalakkan kesedaran mengenai masalah kesihatan mulut dan pada masa yang sama membantu mengurangkan beban kesihatan mulut dalam kalangan masyarakat.

"Tahun ini adalah adalah tahun pertama dalam kempen selama tiga tahun yang dilancarkan oleh FDI World Dental Federation untuk WOHD dengan tema utama, 'Mulut Sihat Adalah...Badan Sihat (A Happy Mouth Is...A Happy Body)'.

"Tema ini menekankan kepentingan kesihatan mulut seseorang individu kerana ia boleh mempengaruhi kesihatan seluruh badan. Sebagai contoh, kerosakan gigi boleh menyebabkan ketidakselesaan dan sakit yang boleh mengganggu makan,

minum, tidur dan juga boleh menjelaskan prestasi kerja serta akademik. Kerosakan gigi juga boleh mempengaruhi psikososial seseorang itu seperti berasa kurang yakin dan rasa rendah diri," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan kaedah yang paling berkesan untuk meningkatkan dan mengekalkan kesihatan mulut dari segi mengurangkan kerosakan gigi adalah dengan penggunaan fluorida, terutamanya air berfluorida (*water fluoridation*) dan penggunaan ubat gigi 'fluoride'.

"Air berfluorida meningkatkan manfaat kesihatan awam sebanyak 25 peratus hingga 40 peratus. Manakala penggunaan ubat gigi berfluorida akan meningkatkan manfaat kesihatan mulut sebanyak 25 peratus di samping pengambilan air yang mengandungi fluorida.

Memberus gigi dua kali sehari dengan ubat gigi berfluorida amat disyorkan untuk mencegah kerosakan gigi," jelas Yang Berhormat.

Kaedah pencegahan yang boleh digunakan untuk kanak-kanak jelas Yang Berhormat pula adalah penggunaan varnis fluorida atau *fluoride varnish* dua kali setahun yang mana ia dapat mengurangkan kerosakan gigi pada kanak-kanak

TIDAK kira usia, penjagaan mulut yang rapi serta menghadiri pemeriksaan gigi yang berkala dengan cara hidup yang sihat akan dapat melindungi kesihatan mulut dan badan.

damit sebanyak kira-kira 30 peratus.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, varnis fluorida adalah sejenis gel fluorida yang pekat yang digunakan pada permukaan gigi selepas pemeriksaan gigi. Kajian saintifik telah menunjukkan bahawa ia mampu memberi perlindungan tambahan kepada gigi daripada kerosakan apabila digunakan sebagai tambahan kepada rutin memberus gigi dengan ubat gigi berfluorida.

Kerosakan gigi juga boleh dicegah dengan mengurangkan pengambilan gula. Kawalan gula dan minuman manis di persekitaran sekolah secara umum adalah disarankan untuk dikuatkuaskan, jelasnya.

"Jabatan Perkhidmatan Pergigian akan sentiasa berusaha untuk memberi kesedaran bagi orang ramai bahawa pencegahan adalah jauh lebih baik daripada rawatan.

Selain rawatan pergigian yang disediakan di klinik-klinik pergigian di seluruh negara, jabatan ini juga memberikan beberapa program promosi kesihatan mulut untuk mengurangkan kerosakan gigi melalui ceramah pendidikan



pergigian, pemeriksaan pergigian, aplikasi varnis fluorida dan juga meningkatkan akses bagi golongan tertentu seperti Program Senyum Si Manja bagi kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah; Program Senyum Pelajar bagi pelajar sekolah rendah; dan Program Kasih bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU)," ujar Yang Berhormat.

Meskipun terdapat pelbagai usaha daripada pihak kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian dalam meningkatkan kesihatan mulut, namun, daya usaha dan disiplin diri setiap individu adalah mustahak dalam membuat perubahan yang nyata. Maka, tidak kira usia, penjagaan mulut yang rapi serta menghadiri pemeriksaan gigi

yang berkala dengan cara hidup yang sihat akan dapat melindungi kesihatan mulut dan badan.

Dengan itu, bersempena WOHD ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin mengambil kesempatan untuk menyarankan kepada semua untuk menjaga kesihatan mulut *biskita* dengan baik kerana 'Mulut Sihat Adalah... Badan Sihat'.

Yang Berhormat juga menyeru agar semua pihak sama-sama menjadikan kesihatan, termasuk kesihatan mulut sebagai tanggungjawab kita untuk memastikan negara kita semakin hampir ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai kualiti hidup yang tinggi.

# Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



## TINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Ke arah sama-sama menjunjung, mendukung dan merealisasikan aspirasi-aspirasi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pendekatan senegara adalah paling mustahak, terutamanya dalam mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara demi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara sehingga generasi-generasi yang akan datang.

Dalam perkara ini, tidak dapat dinafikan peranan penting yang dimainkan oleh kesihatan dan hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi, di mana kajian antarabangsa telah berkali-kali menunjukkan status kesihatan yang baik secara langsung memberikan kesan dan impak positif dari pelbagai aspek seperti produktiviti pekerjaan, pengurangan beban perbelanjaan rawatan, pendapatan perniagaan,

pencapaian tahap pendidikan, peningkatan jangka hayat dan kualiti kehidupan secara amnya.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai penggunaan peruntukan dengan berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa komited kepada pendekatan-pendekatan yang kos efektif dengan berpandukan konsep *value-based healthcare* dalam menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang.

"Hala tuju strategik

Kementerian Kesihatan adalah untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan negara yang resilien lagi berdaya tahan, dengan memanfaatkan teknologi kesihatan dan inovasi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kementerian Kesihatan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan bagi membolehkan Kementerian Kesihatan menunaikan tanggungjawabnya dalam memastikan keberkesan dan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan kepada setiap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Alhamdulillah, dengan peruntukan Tahun Kewangan 2023 / 2024 yang akan berlalu ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan inisiatif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan.**



inisiatif bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, sebahagian inisiatif yang dilaksanakan nampak diihat termasuklah infrastruktur atau pemberian kepada bangunan, sementara sebahagiannya walau tidak dapat dilihat dengan mata malahan adalah paling signifikan berbanding apa yang jelas nampak dan lebih penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

Misalnya inisiatif dalam menangani isu kesihatan mental jelas Yang Berhormat lagi,

program saringan penyakit tidak berjangkit, pengawalan penyakit yang berjangkit dan juga usaha mempromosikan kesihatan dan hasilnya mungkin tidak dapat dilihat dalam setahun dua, tetapi seharusnya dibuat secara berterusan sehingga menjadi budaya setiap orang yang inginkan kehidupan yang berkualiti.

## Penambahbaikan, penaiktarafan perkhidmatan kesihatan



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN yang hadir pada persidangan berkenaan.

### >> Muka 1

Ketiga, pengubahsuaian kemudahan *phlebotomy* atau Perkhidmatan Pengambilan Darah di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait khusus bagi memperbaiki *accessibility* dan memenuhi keperluan golongan tertentu seperti warga emas dan Orang Kelayinan Upaya.

Dari segi perkembangan dan pemberian perkhidmatan pula jelas Yang Berhormat, perkhidmatan kecemasan perubatan diperkuuhkan dengan tambahan sebanyak 30 buah ambulans pada bulan Disember 2023 untuk menampung keperluan kecemasan dan penghartaran pesakit dan di samping itu sebanyak lima buah jenis Pacuan 4 Roda adalah dalam proses pendaftaran dan dua buah lagi jenis ICU ambulans masih dalam peringkat tawaran.

Yang Berhormat menambah, Perkhidmatan Klinik Program Saringan Pendengaran Anak

Damit (Newborn Hearing Screening Clinic) telah dilaratkan ke Daerah Belait pada bulan Ogos 2023 sebagai langkah menjadikan liputan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan *accessible* yang membolehkan sebarang masalah pendengaran dalam kalangan anak-anak damit dikesan awal dan diberikan rawatan.

"Penglaratan perkhidmatan saringan ini diperlukan adalah disebabkan terdapatnya peningkatan tahunan kepada jumlah anak damit yang didapati mempunyai masalah pendengaran. Pada tahun 2023 sahaja, seramai 50 anak damit dikesan mempunyai masalah pendengaran berbanding 18 orang pada tahun 2015," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Program Saringan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit

terus dijalankan secara *ad-hoc* di kementerian-kementerian, sektor swasta dan semasa acara-acara tertentu seperti Program Bandarku Ceria.

Menurut Yang Berhormat, bagi menjadikan Program Saringan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit lebih sistematik dan bukan semata-mata dilakukan secara *opportunistic* sahaja serta dapat menjangkau kumpulan-kumpulan sasaran yang dihasilkan, program tersebut sedang diperkuuhkan dengan menggunakan aplikasi BruHealth sebagai kaedah saringan utama.

Melalui aplikasi tersebut kata Yang Berhormat, empat jenis saringan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat di mana sesiapa yang memenuhi kriteria saringan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam Sistem Bru-HIMS akan dijemput untuk menjalani ujian saringan dan pada masa ini, Saringan Penyakit Kardiovaskular dan Kanser Koloorektal telah dimulakan melalui aplikasi tersebut.

"Pada tahun 2023, daripada sejumlah 2,861 orang yang telah menjalani Saringan Penyakit Kardiovaskular, 29 peratus didapati mempunyai Indeks Jisim Badan (BMI) dalam kategori obes, 54 peratus dikesan menghidapi kadar kolesterol yang tinggi, 17 peratus menghidapi tekanan darah tinggi dan 7 peratus dikesan menghidapi darah gula tinggi.

"Pengesanan ini membolehkan mereka yang terlibat diberikan rawatan dan dimasukkan ke dalam pemantauan klinikal bagi pencegahan penyakit kardiovaskular dan diabetes. Saringan seterusnya yang akan diperkenalkan di aplikasi

BruHealth ialah Saringan Kanser Serviks dan Kanser Payudara," ujar Yang Berhormat.

Pada tahun 2023 tambah Yang Berhormat, seramai 9,144 wanita telah menjalani Saringan Kanser Payudara di mana 1 peratus daripada mereka didapati mempunyai keputusan Ujian Mammogram yang tidak normal. Adalah diharapkan dengan penggunaan aplikasi BruHealth jelas Yang Berhormat lagi, lebih ramai lagi wanita yang memenuhi kriteria saringan akan menjalani ujian berkenaan.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti, sebuah *suite mammogram* yang baharu khusus bagi Saringan Kanser Payudara sedang dalam pembinaan di Hospital RIPAS iaitu sebagai tambahan kepada kemudahan yang ada pada masa sekarang.

"Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan menyeru kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjalani ujian saringan terutama sekali bagi yang berisiko tinggi atau yang menerima notifikasi jemputan untuk menghadirkan diri semasa ujian-ujian tersebut diaturkan.

"Ini adalah semata-mata untuk

memastikan setiap rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati tahap kesihatan yang baik di samping memelihara kualiti kehidupan masing-masing."

Ke arah ini jelas Yang Berhormat, beberapa ujian-ujian makmal yang baharu telah diperkenalkan di samping penaiktarafan beberapa jenis mesin radiologi dan makmal yang lebih canggih dan terkini, termasuk Mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan Computed Tomography (CT) Scan di Hospital RIPAS dan mesin-mesin di makmal-makmal hematologi, biokimia, imunologi, Pusat Pendermaan Darah dan sebagainya.

Tambah Yang Berhormat, kedua-dua mesin MRI dan CT Scan yang baharu itu menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) di mana proses kerja dilakukan secara *automatic* dan menjadikan imbasan (*scanning*) lebih konsisten, lebih mudah dihasilkan semula (*reproducible*) dan lebih cepat.

**"Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan menyeru kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjalani ujian saringan terutama sekali bagi yang berisiko tinggi atau yang menerima notifikasi jemputan untuk menghadirkan diri semasa ujian-ujian tersebut diaturkan.**

**"Ini adalah semata-mata untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati tahap kesihatan yang baik di samping memelihara kualiti kehidupan masing-masing,"**

SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# INISIATIF BERSAMA DALAM MENANGANI KESIHATAN MENTAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Kesihatan mental turut menjadi salah satu keutamaan yang ditangani melalui pendekatan yang holistik iaitu mengimbangi antara ikhtiar keagamaan dengan rawatan konvensional dalam menangani masalah kesihatan mental.

Dalam memperkuuhkan perkhidmatan rawatan kesihatan mental serta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman orang ramai mengenainya, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, beberapa inisiatif telah dan giat diusahakan.

Semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat mengongsikan, beberapa inisiatif tersebut seperti Jerayawara-jerayawara Kesihatan Mental atau Psychoeducation (proses mengajar pesakit dan ahli keluarga mereka tentang sifat penyakit, termasuk etiologi, perkembangan, akibat, prognosis, rawatan dan alternatif) bagi orang ramai dilaksanakan dengan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan bagi kumpulan-kumpulan sasaran tertentu dan untuk mengurangkan mahupun menghapuskan stigma terhadap kesihatan mental yang boleh jadi penyebab seseorang tidak mendapatkan bantuan.

Menurut Yang Berhormat, penerbitan buku panduan seperti e-Book Student Wellness : 'A Mental Health Guideline for Students' dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan, JIWA dan Buku Panduan Doa-doa dan Zikir untuk Kesihatan Mental dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Penambahan waktu peroperasian Talian Harapan 145 menjadi 24 jam tujuh hari seminggu sejak bulan Mac 2023; penamaan semula Klinik Pesakit Luar, Jabatan Psikiatri, Kampung Kiarong kepada Klinik As-Syafii pada bulan Disember 2023 merupakan antara kaedah bagi mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, perancangan bagi pengendalian latihan asas Kesihatan Mental dan Kaunseling kepada imam-imam dan da'ie-da'ie, dengan kerjasama KHEU dan Jabatan Mufti Kerajaan; dan Bagi sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerbitkan sebuah buku panduan Buku Kod Etika Kaunseling dengan usaha sama Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menyelaraskan etika bagi kaunselor di setiap kementerian. Ke arah memantapkan perkhidmatan klinikal kesihatan mental tambah Yang Berhormat, kapasiti tenaga profesional telah juga dipertingkatkan.

"Pada masa ini, Kementerian Kesihatan mempunyai empat orang pakar psikiatri tempatan berbanding hanya seorang pada tahun 2014 dan tujuh orang pegawai perubatan psikiatri tempatan berbanding dua orang pada tahun 2014. Jumlah psikologis juga meningkat daripada empat orang psikologis klinikal dan 14 orang psikologis pada



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

tahun 2014 kepada enam orang psikologis klinikal dan 18 orang psikologis pada tahun ini. Pada masa ini, enam orang psikologis sedang menjalani latihan di luar negara untuk menjadi psikologis klinikal," ujar Yang Berhormat

17025:2017 dalam bidang ujian forensik dari American National Standards Institute (ANSI) National Accreditation Board (ANAB) pada bulan Mei 2023.

Tambah Yang Berhormat lagi, pelancaran Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada awal Februari yang lalu melalui usaha sama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mengukuhkan sistem makmal di seluruh negara, mengikut panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) dan piawaian-piawaian yang diiktiraf antarabangsa bagi menyokong diagnosis, rawatan, pengawasan, pencegahan dan kawalan penyakit.

Selain itu jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan juga telah mendapatkan tambahan 14 orang psikologis melalui Corporate Social Responsibility (CSR) dari Jerudong Park Medical Centre (JPMC) untuk mengendalikan Talian Harapan 145.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, peningkatan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan dengan berpandukan piawaian antarabangsa seperti pengakreditasi makmal bertaraf antarabangsa iaitu ISO/IEC

## Memenuhi keperluan pelanggan melalui pendekatan lebih berkesan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa 'Memperkuuhkan Sistem Penjagaan Kesihatan' adalah merupakan tema belanjawan bagi Kementerian Kesihatan pada Tahun Kewangan 2024 / 2025.

Menurut Yang Berhormat, ia sejajar dengan tema belanjawan negara iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' di mana tema Kementerian Kesihatan adalah lebih merujuk kepada salah satu fokus utama belanjawan iaitu 'Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam'.

Bagi mendukung tema ini jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk memenuhi keperluan pelanggan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih berkesan lagi kos efektif bagi jangka masa panjang dan secara langsung

peningkatan status kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Alhamdulillah, jumlah belanjawan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 ialah sebanyak BND573,064,540. Jumlah ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 37 peratus dari jumlah belanjawan yang diluluskan pada tahun kewangan sebelumnya," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan mukadimah pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, peningkatan ini adalah disebabkan oleh antara lainnya, tambahan bilangan doktor, jururawat dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals); penyelenggaraan dan pembaikan



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan.

aset; bekalan bahan perubatan dan guna habis; sewa dan pajakan; dan pembangunan sumber tenaga manusia.

Namun, peningkatan yang

paling signifikan ialah pemindahan peruntukan bagi rawatan pesakit di Gleneagles JPMC dan Pantai Jerudong Specialist Centre sejumlah BND150 juta

dari Peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Kementerian Kesihatan iaitu 35.9 peratus berbanding peruntukan Tahun Kewangan 2023 / 2024.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# PAPAN TANDA YANG SEDIA ADA AKAN DIKEMASKINIKAN



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 19 Mac. - Menteri di  
Jabatan Perdana Menteri (JPM)  
dan Menteri Kewangan dan  
Ekonomi II, Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

**YANG Berhormat Menteri di  
Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan  
Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan JPM telah mengambil tindakan bagi menggunakan nama-nama dalam Bahasa Melayu ke arah memartabatkan dan mengutamakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Perubahan-perubahan yang telah diambil jelas Yang Berhormat adalah penggunaan nama Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) sebagai nama rasmi bagi JobCentre Brunei

dan penggunaan nama Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) sebagai nama rasmi bagi Manpower Planning and Employment Council (MPEC), tulisan Jawi bagi Pusat Pekerjaan Brunei dan MPTMP telah diselaraskan dan diperoleh daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Dengan perubahan ini, papan tanda yang sedia ada akan dikemaskinikan dan pada masa ini dalam proses membuka tawaran bagi kerja-kerja berkenaan tambah Yang Berhormat pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20,

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman mengenai papan tanda JobCentre Brunei.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman.

## Sambut baik penggunaan Smart Card



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 19 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyambut baik penggunaan Smart Card bagi mempercepatkan proses penyerahan pencec dengan lebih bersistematis. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan meneliti perkara ini dari aspek

kesesuaian, pengurusan dan kebolehlaksanaan perkara ini.

"Antara inisiatif yang digunakan adalah seperti berikut iaitu pandemik COVID-19 dan pasca-pandemik mencetus perubahan pada proses pembahagian dan penerimaan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya. Makluman melalui aplikasi WhatsApp daripada ketua-ketua kampung kepada penerima mengenai penjadualan pembayaran Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

"Kaedah penggunaan teknologi digital juga digunakan termasuk pengurusan secara dalam talian. Memang sudah lama terbukti sebagai amalan yang paling baik, lebih-lebih lagi bagi meningkatkan kecepatan proses efisien dan pemberian perkhidmatan tepat pada masanya.

"Sebagai contoh, semenjak tahun 2018, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah memperkenalkan sistem pembayaran Pencen Umur Tua dan Elaun melalui

bank-bank masing-masing," jelas Yang Berhormat pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Untuk makluman semua, tambah Yang Berhormat kadar penerima Pencen Umur Tua dan Elaun setakat Mac 2024, maksudnya jumlah penerima, adalah sebanyak 49,391 orang penerima dan sehingga Februari 2024 seramai 18 ribu lebih orang penerima telah menerima Pencen Umur Tua dan Elaun mereka melalui bank masing-masing iaitu sebanyak 37 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Menurut Yang Berhormat, merujuk rekod persediaan bagi pembayaran Mac 2024 jumlah penerima akan meningkat ke 18,433 iaitu 181 orang penerima baru yang akan menerima melalui bank. Semasa pandemik COVID-19 gelombang kedua pada tahun 2021, penerima-penerima Pencen Umur Tua dan Elaun melalui bank sahaja adalah seramai 3 ribu lebih orang penerima. Kaedah ini ternyata memberi kemudahan dan kemanfaatan seperti yang

dijangkakan.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat lagi kaedah pembayaran dan penerimaan melalui bank ini adalah berupa option sahaja bagi penerima-penerima kerana masih saja ada yang berkeinginan untuk menerima secara tunai.

"Seterusnya berhubung dengan cadangan untuk meneliti dan mengkaji keperluan pemberian bantuan makanan asasi kepada penerima dan cadangan bagi menuahkan jawatankuasa khas atau kumpulan kerja khas di bawah pihak-pihak yang berkepentingan, kementerian ini menyambut baik cadangan tersebut.

"Pemberian barang asasi ini adalah di bawah kawalan bahagian Bantuan Kebajikan Am (JAPEM) semasa atau apabila berlaku kejadian bencana pihak JAPEM akan turun padang untuk melihat keadaan mangsa dan seterusnya memberikan catuan makanan pada hari tersebut atau keesokan harinya kepada mangsa-mangsa bencana," ujar Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan seperti lazimnya

catuan makanan akan diberikan jika ia melibatkan kerosakan rumah terutama sekali dapur dan terputus jalan perhubungan. Penyiasatan yang terperinci akan dilakukan bagi memastikan bantuan yang diberikan itu adalah menepati keperluan sebenar seperti bantuan perumahan sementara dan bantuan kewangan iaitu tertakluk kepada jenis apa isu-isu permasalahan penerima termasuklah bantuan catuan makanan atau bantuan makanan asasi.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat kita sudah setentunya akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan wastages atau makanan-makanan yang tidak diperlukan dan sebagainya. Setakat bulan Februari 2024, sejumlah 558 bantuan catuan telah diberikan kepada mangsa bencana, BND29,500 jumlah bantuan kewangan.

Adapun kuantiti bilangan barang asasi berkeraan adalah mencukupi untuk keperluan dalam tempoh satu minggu. Walau bagaimanapun, kementerian ini menyambut baik cadangan bagi meneliti semula kesesuaian barang asasi ini dari aspek kesihatan.



ANTARA yang hadir pada persidangan.

**"KAEDAH penggunaan teknologi digital juga digunakan termasuk pengurusan secara dalam talian. Memang sudah lama terbukti sebagai amalan yang paling baik, lebih-lebih lagi bagi meningkatkan kecepatan proses efisien dan pemberian perkhidmatan tepat pada masanya".**

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR BUDAYA, KESENIAN SECARA DINAMIK, KREATIF

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) ini iaitu Creative Cultural Industries (CCI) dan Community Libraries adalah bagi membaik pulih dan menaik taraf dua bangunan iaitu bangunan bekas Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei dan bangunan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan yang dicadangkan untuk dijadikan sebagai hab Industri Kebudayaan dan Kreatif (CCI) dan Perpustakaan Komuniti (Community Library).

Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menjelaskan perkara demikian pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Menurut Yang Berhormat, projek ini disatukan adalah bagi keperluan mewujudkan Akademi Seni Budaya Brunei. Kedua, bangunan berkenaan dihasilkan mengukuhkan infrastruktur kebudayaan dan kesenian di negara ini yang penuh dengan dinamik lagi kreatif terutama kepada belia-belia negara.

Selaras dengan pelan strategik kementerian ini yang mengandungi aspirasi budaya dinamik dan pemeliharaan warisan dalam mencapai visi bangsa Brunei cemerlang, maka tiba masanya juga bahawa kedua bangunan berkenaan melaksanakan penjenamaan

baharu yang mengambil kira mengikut keperluan semasa serta kedudukan bangunan-bangunan yang strategik di Pusat Bandar.

"Dengan terbinanya hasrat tujuan projek berkenaan adalah projek sedemikian akan menjadi mercu tanda ilmu, gedung ilmu serta pusat komuniti yang menjurus ke arah perkembangan dan kemajuan Sektor Kebudayaan dan Kesenian di negara ini," jelas Yang Berhormat lagi.

Seterusnya, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh turut menambah berkenaan dengan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) untuk dilaratkan ke graduan

adalah diambil perhatian.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga ingin mengongsikan bermula pada bulan Januari 2021 dan sehingga sekarang, sudah terdapat lima kemasukan (*intake*) ke PKBN bagi pelajar-pelajar IBTE yang ingin menamatkan program-program yang mereka ambil terutama daripada Program iSkill ISQ.

"Mereka mengikuti Program Jati Diri ini selama tiga bulan dan mereka ini adalah dari program-program yang mengambil Scaffolding, Marker Fitter, Rigger, Welding dan juga plaster Painter.



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan.**

Sehingga ke hari ini, terdapat 865 pelajar yang telah menamatkan Program Jati Diri di PKBN," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.**

**"DENGAN terbinanya hasrat tujuan projek berkenaan adalah projek sedemikian akan menjadi mercu tanda ilmu, gedung ilmu serta pusat komuniti yang menjurus ke arah perkembangan dan kemajuan Sektor Kebudayaan dan Kesenian di negara ini".**

## Memastikan SKN dalam keadaan berkualiti



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan bahawa selaku pengendali kepada Sistem Kebajikan Negara (SKN), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan sentiasa memastikan sistem ini dalam keadaan yang berkualiti, mempunyai kebolehpercayaan yang optimum dan juga mesra pengguna terutama bagi para

pemohon yang kurang celik IT.

Inisiatif yang kerap dilaksanakan dalam menambah baik kecekapan sistem ini termasuklah meneliti penaiktarafan yang bersesuaian mengikut keperluan sistem dan juga orang ramai.

"Oleh yang demikian, kementerian ini dalam perancangan bagi menjalankan kajian maklum balas atau survey orang ramai terhadap permohonan dalam talian SKN secara keseluruhan dengan maklum balas yang dikaji kemudian nanti insyaAllah akan dapat membantu kementerian ini untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam SKN ini," jelas Yang Berhormat pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.

KKBS juga mengambil maklum dan prihatin terhadap para pemohon yang kurang mahir dalam IT termasuklah golongan warga emas dalam membuat

permohonan bantuan kepada SKN.

Dalam hal ini, jelas Yang Berhormat perkhidmatan kaunter juga disediakan di agensi-agensi pemberian bantuan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Urusan Zakat Waqaf dan Baitulmal (JUZWB).

Yang Berhormat turut mengongsikan pada awal tahun ini hingga 29 Februari 2024, jumlah kehadiran orang ramai yang berkunjung ke kaunter secara

keseluruhan adalah 2272 orang, di mana seramai 994 orang hadir ke Kaunter JAPEM dan seramai 1,278 orang hadir ke kaunter JUZWB.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan bahawa bagi permohonan Pencen Umur Tua belum diterapkan dalam sistem ini. InsyaAllah dalam fasa keempat pengiktirafan SKN, pihak kementerian akan cuba mengintegrasikan bukan sahaja permohonan Pencen Umur Tua malah juga Elaun Kurang Upaya.



**ANTARA** yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

**"OLEH yang demikian, kementerian ini dalam perancangan bagi menjalankan kajian maklum balas atau 'survey' orang ramai terhadap permohonan dalam talian SKN secara keseluruhan dengan maklum balas yang dikaji kemudian nanti insyaAllah akan dapat membantu kementerian ini untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam SKN ini".**

# Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



## KE ARAH MENDUKUNG VISI MASYARAKAT PROGRESIF

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 19 Mac. - Sejumlah BND85,276,630 dianggarkan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pada musim permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke-19, KKBS telah menggariskan beberapa strategi dan tindakan seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, secara keseluruhannya, sejak tahun 2020 sehingga 2023, 41 peratus iaitu 34 dari 83 inisiatif telah selesai dilaksanakan, manakala selebihnya sedang dalam pelaksanaan untuk diselesaikan pada Tahun Kewangan 2024 / 2025.

"Sungguhpun demikian, alhamdulillah, kajian semula separuh penggal atau Mid Term Review pelaksanaan Pelan Strategik 2020-2024 telah membantu pihak

pengurusan untuk mengemas kini perancangan, pelaksanaan dan pengurusan dengan segera supaya dapat menghasilkan impak yang dijangkakan serta mengambil kira perubahan semasa dan cabaran yang mendarat di samping ketersediaan sumber yang sedia ada," ujar Yang Berhormat lagi.

Di bawah bidang kemasyarakatan tambah Yang Berhormat, antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak empat tahun kebelakangan ialah, lebih 40 peratus golongan sasaran iaitu 862 orang daripada 1,965 orang yang berdaftar di bawah JobCentre Brunei telah mendapat pekerjaan dalam mana 39 peratus daripadanya iaitu 337 orang daripada 862 orang adalah penerima bantuan kewangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Selain itu jelasnya, lebih 160 golongan sasaran di bawah JAPEM bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti keusahawanan.

Dalam meningkatkan kemahiran menurutnya, lebih 209 penerima bantuan juga telah mengikuti pelbagai program latihan dan pembangunan kapasiti yang dijalankan bersama rakan strategik seperti DARe dan Pusat Pembangunan Belia.

Dari segi bantuan penempatan rumah sementara terangnya,

77 keluarga yang telah dilanda kesusahan atau bencana juga telah diberikan penempatan sementara.

Di samping itu menurut Yang Berhormat lagi, dengan pendekatan senegara, kementerian juga bekerjasama dengan rakan strategik seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, dan YSHHB dalam membina dan membaik-pulih sejumlah 68 buah rumah sejak dari tahun 2020.

Dari segi meningkatkan lagi pemelulian kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) tambah Yang Berhormat, semenjak penguatkuasaan Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya yang baharu pada tahun 2021, jumlah penerima 'double benefit' iaitu penerima Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya berjumlah BND500 setiap bulan, meningkat dari 152 penerima kepada 728 penerima.

Manakala jelasnya lagi, sokongan untuk OKU juga telah meningkat, daripada 5,900 orang penerima elauan kurang upaya, seramai lebih 1,200 orang kelainan upaya juga ada menerima Elaun Penyedia Penjagaan (Care Providers Allowance) yang setentunya dapat meningkatkan kualiti penjagaan.

"Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan adalah di bawah mandat Majlis Kebangsaan

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Isu Sosial (MKIS) ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan golongan yang memerlukan, dan setentunya akan mendukung ke arah pencapaian visi Masyarakat Progresif," ujar Yang Berhormat lagi.

**DI bawah bidang kemasyarakatan tambah Yang Berhormat, antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak empat tahun kebelakangan ialah, lebih 40 peratus golongan sasaran iaitu 862 orang daripada 1,965 orang yang berdaftar di bawah JobCentre Brunei telah mendapat pekerjaan dalam mana 39 peratus daripadanya iaitu 337 orang daripada 862 orang adalah penerima bantuan kewangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).**

## Peningkatan penglibatan belia dalam program pembangunan kapasiti

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 19 Mac. - Purata 13 peratus peningkatan dapat dilihat berkaitan penglibatan belia setiap tahun dengan purata lebih 50,000 belia telah terlibat dalam pelbagai program pembangunan kapasiti, dan purata empat peratus peningkatan inisiatif atau aktiviti yang diterajui oleh belia pada setiap tahun.

Perkara tersebut antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak empat tahun kebelakangan di bawah bidang Kebeliaan yang dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat seterusnya menyatakan, purata 30 peratus peningkatan usahawan belia dengan

ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

bisnes permulaan (*business startups*) yang menjana hasil pendapatan melebihi BND930 ribu secara menyeluruh.

Yang Berhormat turut mengongsikan, seramai 13 orang petani dan peladang daripada kalangan belia di bawah Program Pertanian dan Perladangan telah mengusahakan 55 hektar tanah dan menjana 208.28 tan pengeluaran padi bernilai lebih BND550 ribu.

"Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyediakan lebih banyak platform bagi melibatkan belia dalam merangka dasar dan membuat keputusan bagi isu-isu yang merangkumi alam sekitar, kesejahteraan mental, pekerjaan, keusahawanan, latihan kemahiran dan kebolehlihan imej belia di peringkat serantau dan antarabangsa," ujar Yang Berhormat lagi.



Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan ini menurut Yang Berhormat, adalah sejajar dengan Pelan Tindakan

Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2024 dan ia adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada mencapai

sasaran mata purata 75 peratus Indeks Pembangunan Belia pada tahun 2025 dan pencapaian visi Belia Siaga Masa Depan.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# KOMITED MENINGKATKAN PRESTASI SUKAN DI PERINGKAT SERANTAU, ANTARABANGSA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad mengongsikan, antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak empat tahun kebelakangan di bawah bidang kesukanan, iaitu terdapat 22 peratus peningkatan pengupayaan atlet kebangsaan dengan purata lebih 800 (jumlah sebenar : 884) orang atlet dalam pelbagai program pembangunan kapasiti termasuk penyertaan dalam pertandingan atau kejohanan sukan prestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa setiap tahun.

Yang Berhormat Menteri

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, seterusnya menjelaskan, seramai 13 orang atlet elit telah meraih 18 pingat secara keseluruhan (5 emas; 5 perak; 8 gangsa); dan bertanding di tiga acara kejohanan berkotinjen yang berprestij.

"Direkodkan purata melebihi 52 ribu (Jumlah sebenar: 52,817) peserta mengikuti acara-acara sukan untuk masyarakat iaitu merangkumi 232 program dengan 69 peratus peningkatan inisiatif kesukanan yang diterajui oleh masyarakat termasuk dari agensi swasta seperti sports event management dan persatuan sukan kebangsaan. Ini mencerminkan usaha senegara ke arah meningkatkan dan mendukung status kesejahteraan

dan kesihatan masyarakat melalui sukan".

Menurut Yang Berhormat, kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan di bawah perancangan pembangunan kapasiti bagi atlet, jurulatih dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian visi Negara Sukan Yang Gemilang.

Yang Berhormat turut mengongsikan, di bawah bidang Kebudayaan, dilihat secara kumulatif, adanya peningkatan kegiatan pembangunan keupayaan sebanyak enam kali ganda yang melibatkan lebih 156 ribu (Jumlah sebenar : 156,505) orang peserta dalam pelbagai Program Pembangunan Keupayaan Masyarakat sejak tahun 2020.

Ke arah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan masyarakat dan ilmiah di bawah Program Perkembangan Penyelidikan tambah Yang Berhormat, terdapat peningkatan dalam penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian iaitu sebanyak 63 peratus daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (Jumlah sebenar : 5,656); sebanyak 23 peratus daripada Pusat Sejarah Brunei (Jumlah sebenar : 2,055) dan 14 peratus daripada Jabatan Muzium-Muzium (Jumlah sebenar : 1,214) dengan 8,925 bahan dan rujukan sumber bahasa, sastera,

tulisan Jawi, warisan, budaya dan sejarah secara keseluruhan.

Menyentuh mengenai fasiliti dan kemudahan seperti muzium, galeri dan perpustakaan, Yang Berhormat menekankan, ia juga kekal relevan dan menjadi asas utama dalam ketamadunan dan pembangunan masyarakat, yang mana ini jelas dilihat dengan purata 14 peratus peningkatan pelawat dalam dan luar negeri dengan purata hampir 160 ribu (Jumlah sebenar : 159,666) pelawat setiap tahun.

Setelah pasca COVID-19 jelas Yang Berhormat, lebih 290 ribu (Jumlah sebenar : 290,686) pengunjung ke muzium-muzium dan galeri yang menunjukkan ia bukan sahaja sebagai tempat tarikan pelancong malah peningkatan berkaitan kesedaran dan minat terhadap warisan budaya Brunei dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk generasi muda.

Manakala terang Yang Berhormat, lebih 400 ribu (Jumlah sebenar : 413,117) pengunjung ke perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka jelas membuktikan strategi penjenamaan semula perpustakaan telah mencapai objektif dalam menjadikan perpustakaan sebagai pusat komuniti dan ini bermakna, kewujudan perpustakaan masih kekal relevan pada era info komunikasi ini, di samping memupuk budaya membaca dalam masyarakat Brunei.

Dari aspek meningkatkan imej dan perkembangan warisan, budaya dan sejarah tekan Yang Berhormat lagi, keberhasilan usaha dari aspek ini dapat dilihat melalui pencapaian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei; pencalonan pakaian kebaya sebagai Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO secara bersama iaitu Brunei Darussalam, Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia dan Thailand; dan Negara Brunei Darussalam adalah negara anggota ASEAN pertama yang mempunyai arca ASEAN yang lengkap memperkenan arca daripada kesemua 10 anggota ASEAN dengan Taman Arca yang dinamakan semula sebagai Laluan ASEAN (ASEAN Walk) terletak di Taman Rekreasi Sungai Damuan.

"Dalam memupuk semangat budaya perpaduan, patriotisme, jati diri dan MIB; kita melihat impak dari penyertaan acara kemuncak Hari Kebangsaan dengan jumlah kumulatif lebih 41 ribu (Jumlah sebenar: 41,518) penyertaan. Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan di bawah perancangan meningkatkan pelestarian warisan, budaya dan sejarah adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian visi Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara," jelas Yang Berhormat lagi.

## 5 fokus utama pemacu Pelan Strategik KKBS

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad berkata, sebanyak lima fokus strategi sebagai pelengkap kepada usaha-usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam meneruskan pelaksanaan pelan strategik kementerian bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang berteraskan kepada usaha Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan (3P).

Yang Berhormat berucap semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Strategi pertama dalam bidang kemasyarakatan menurut Yang Berhormat, KKBS akan terus mengembang maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian; yang memfokus kepada membasmi kemiskinan dan meningkatkan mandiri serta sosioekonomi golongan-golongan sasaran.

Tambah Yang Berhormat,

ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan tersebut.

sejumlah BND23.6 juta diperuntukkan bagi program mengembangkan masyarakat Progresif termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi BND12.9 juta bagi Bantuan, Geran, Pemindahan dan Subsidi.

Di samping mempertingkatkan penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain jelas Yang Berhormat, kementerian ini akan terus memberikan penekanan kepada Meningkatkan Lagi Penyelaras Program-program

Intervensi yang Disasarkan Merentas Sektor, seperti Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB) yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang dikhususkan kepada anak-anak penerima bantuan dan mengandungi modul kemasukan sebagai Pelatih PKBN dalam usaha untuk meningkatkan kepimpinan, jati diri dan resilien. Meningkatkan lagi penglibatan Sukarelawan



Belia (SB) dalam program-program kemasyarakatan, dan mengembalikan program pembangunan kapasiti dan kemahiran bagi golongan Orang Kelainan Upaya melalui pelbagai kaedah seperti sheltered workshops dan penempatan kerja.

"Khusus bagi sektor kemasyarakatan, insyaAllah tahun ini, Kementerian ini akan melaksanakan beberapa inisiatif yang signifikan seperti, pertama,

Pelan Tindakan Wanita hasil dari Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam dalam mana Pelan Tindakan ini akan disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak dan seterusnya dihadapkan kepada Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk diluluskan.

"Kedua, kajian semula garis pandu Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi memastikan

tiada ketirisan kepada penerima bantuan; ketiga, Pelan Tindakan Keluarga yang baharu ke arah memperkuatkannya institusi keluarga; keempat, Pelan Tindakan Warga Emas ke arah penuaan berjaya (successful aging); dan kelima, Pelancaran Social Blueprint hasil usaha sama Jabatan Perdana Menteri dan kementerian ini," ujar Yang Berhormat lagi.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# MEMPERKASA PEMBANGUNAN PRODUKTIVITI, EKONOMI BELIA

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi BND3 juta bagi Program Pembangunan dan Keusahawanan Belia; BND2.1 juta bagi Program Pengukuhan Jati Diri dan Menjana Modal Insan; dan BND5 juta bagi Program Pengupayaan Belia.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini tambah Yang Berhormat, KKBS akan memberikan penekanan kepada Menangani Impak Segera dan Pemacu Jati Diri serta Modal Insan dalam Kalangan Belia yang akan

meneliti tiga objektif utama iaitu kajian semula metodologi dan pendekatan program-program intervensi yang lebih berinovasi dan jangka panjang seperti Program Pembangunan Belia, Program Khidmat Bakti Negara dan Program OBBD.

Yang Berhormat juga menyatakan, kajian semula metodologi dan pendekatan usaha meningkatkan produktiviti dan ekonomi belia yang diperkasakan.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif yang akan diterajui oleh Youth Entrepreneurship Steering Committee (YESC) adalah menerokai pasaran luaran melalui hubungan kerjasama mengembang maju produk atau perkhidmatan perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa; dan meneliti dan mewujudkan dasar yang mendukung pembangunan perusahaan sosial menggunakan pendekatan senegara (Whole of Nation) termasuk mewujudkan ekosistem perusahaan sosial yang efektif dan kondusif.

Kajian semula program-program intervensi yang disasarkan jelas Yang Berhormat, dapat memacu pembentukan

jati diri dengan lebih terarah, selaras dan sejarah. Program-program ini akan berasaskan

aspek perpaduan, MIB dan pemartabatan budaya, warisan dan sejarah.

**DALAM bidang kebeliaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus menjana belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara; yang memfokus kepada mempertingkatkan dua bidang iaitu Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan dalam kalangan belia.**

## Mendaulatkan, memelihara warisan budaya negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mac. - Sejumlah BND26.5 juta telah diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk Program Pembinaan, Penerapan dan Penghayatan Warisan, Budaya dan Sejarah serta Penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan, yang merangkumi BND2.2 juta bagi Mengukuhkan Kegiatan Bahasa, Sejarah dan Seni Budaya; BND7.7 juta bagi Bahasa, Sastera dan Perpustakaan; dan BND3.4 juta bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahasa, Sejarah dan Budaya.

Menyatakan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menjelaskan, strategi keempat iaitu dalam bidang kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus Meningkatkan Pelestarian Budaya, Warisan dan Sejarah; yang memfokus kepada mendaulatkan bahasa Melayu, tulisan Jawi dan penerapan budaya, warisan serta sejarah.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata demikian semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini jelas Yang Berhormat, kementerian akan memberikan penekanan kepada Menerokai lagi Peranan Mendaulatkan, Memajukan dan Memelihara Warisan Budaya. Ke arah ini, kementerian akan meneliti tiga objektif utama.

Objektif pertama menurut Yang Berhormat iaitu meningkatkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa. Dikongsikan, salah satu lagi warisan budaya tidak ketara yang akan dicalonkan ke UNESCO ialah, pantun Melayu.

Objektif kedua jelas Yang Berhormat iaitu menerokai lagi pemberdayaan warisan budaya tak ketara dalam kalangan masyarakat seperti memperkasa ekspresi budaya, memanfaatkan media kreatif dan platform digital yang berasaskan budaya; dan ketiga, melaksanakan kaji selidik peningkatan kefahaman dan penghayatan budaya, warisan dan sejarah yang akan memberikan gambaran tahap kefahaman, pengetahuan dan penerapan terhadap budaya, warisan dan sejarah dalam kalangan generasi muda dan masyarakat secara amnya.

Swimming Championships pada bulan April 2024, 1st International Wushu Championships pada bulan Mei 2024 dan Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 pada bulan September 2024.

"Keenam, mengkaji kesesuaian Indeks Pembangunan Sukan bagi

mengukur kemajuan dan impak sukan kepada sosioekonomi negara yang antara lain memfokuskan kepada literasi fizikal, penglibatan, kesihatan, kecergasan, ruang / kemudahan bagi sukan dan ekonomi," jelas Yang Berhormat lagi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mac. - Dalam bidang Kebeliaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus menjana belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara; yang memfokus kepada mempertingkatkan dua bidang iaitu Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan dalam kalangan belia.

Untuk itu, sejumlah BND11.2 juta diperuntukkan bagi Program Melahirkan Belia Harapan yang Berwawasan

## Memantapkan pengukuhan ekosistem sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad mengongsikan, dalam bidang kesukanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memantapkan pengukuhan ekosistem sukan supaya lebih inklusif dan cemerlang; yang memfokus kepada sukan prestasi tinggi dan sukan untuk masyarakat.

Berucap demikian semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat menjelaskan, sejumlah BND16.7 juta diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan lagi Ekosistem Sukan yang merangkumi BND7.8 juta bagi Pemeliharaan Prasarana dan Aset; BND2.1 juta bagi Memantapkan

Sukan Prestasi Tinggi iaitu; BND700 ribu bagi Pembangunan Persatuan-persatuan Sukan; dan BND1.8 juta bagi Pembangunan Keupayaan Atlet dan Jurulatih secara keseluruhan.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini ujar Yang Berhormat, kementerian akan memberikan penekanan kepada Mengkaji Semula Peranan Sukan Dalam Pembangunan Masyarakat yang akan meneliti enam objektif utama.

Pertama jelas Yang Berhormat iaitu meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pengamalan gaya hidup sihat, aktif dan cergas sepanjang hayat secara inklusif; dan kedua, memperluas perkongsian dan pelaburan swasta atau pertubuhan bukan kerajaan untuk membantu dalam pertumbuhan modal, pembiayaan dan meningkatkan pendapatan sektor kesukanan.

Yang Berhormat turut mengongsikan objektif ketiga iaitu memanfaatkan media sosial mempromosikan peranan sukan dalam gaya hidup sihat, kesihatan mental dan fizikal termasuk aspek

kepimpinan merentas generasi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang efektif.

Objektif ini tambah Yang Berhormat, boleh menjurus kepada meningkatkan peranan atlet sebagai *sports influencers*, dalam mana organisasi sukan boleh memanfaatkan atau meneroka jenama atau menjadi role model dalam pembangunan sukan; dan menggalakkan penglibatan peminat sukan untuk memberikan pandangan konstruktif bagi mengembang maju dan meningkatkan prestasi sukan negara.

Manakala objektif keempat menurut Yang Berhormat, iaitu meningkatkan pemerkasaan dan penglibatan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan meningkatkan bantuan prasarana dan akses kemudahan sukan.

Objektif kelima pula terang Yang Berhormat iaitu mendukung pelancongan sukan dengan menggalakkan penganjuran kejohanan dan festival sukan serantau dan antarabangsa seperti 2nd SEA Age Group

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# Keprihatinan raja memelihara kesejahteraan rakyat

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan.**

persoalan Ahli-ahli MMN.

Antara soalan yang telah dikemukakan ialah persoalan mengenai pengkorporatan Jabatan Kemajuan Perumahan supaya menjadi satu badan berkanun bagi melaksanakan pembinaan perumahan negara supaya lebih efektif dan efisien dan *self-sustaining* dalam merangka langkah ke hadapan bagi penyediaan perumahan-perumahan dalam negara dan mengenai *alternative financing* dan Public and Private Partnership (PPP) dan juga isu-isu tunggakan pembayaran perumahan.

Persoalan-persoalan ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan mula-mula menyentuh mengenai persoalan reka bentuk perumahan.

"Secara amnya reka bentuk rumah bagi setiap projek di skim perumahan adalah berlainan tetapi mengikut garis pandu asas seperti *total floor area* beberapa buah bilik dan sebagainya,

setiap reka bentuk atau *design* ini mengikut keperluan harga kos binaan, reka bentuk yang praktikal untuk pemeliharaan dan juga untuk ditambah ataupun *extension* seperti lazim perkara ini dibuat," kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Mengenai perkara yang melibatkan pengkorporatan dan PPP, Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata beliau mengambil baik cadangan tersebut dan melalui Jawatankuasa Perumahan di bawah Kementerian Pembangunan akan meneliti cadangan-cadangan mengenai pengkorporatan, 'alternative financing' dan PPP.

"Perkara ini ada di antaranya telah ada usaha pernah dibuat pada tahun lepas dalam kitani mencari ikhtiar untuk mendapatkan terutama sekali *a more favorable financing* dan PPP. Memang ada mengadakan perjumpaan, menerima tawaran daripada konsortium daripada luar negara yang datang untuk membuat penyediaan rumah yang dikatakan lebih murah tetapi setelah mengadakan beberapa perbincangan didapati belum dapat menepati hasrat kitani untuk mendapatkan sokongan PPP dari segi untuk memastikan harga yang murah dan masih lagi memerlukan bebanan kewangan daripada kerajaan untuk membayar kos-kos pembinaan. Bukan seperti yang dijangkakan semasa menerima cadangan dan tawaran," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga berkata cadangan-cadangan yang dibuat akan memberi platform untuk mencari lagi ruang-ruang dan peluang-peluang untuk mencari satu formula dan model yang memberikan keuntungan kepada PPP.

"Satu perkara lagi mengenai *alternative*

*financing* tetapi dalam

membincangkan perkara ini Yang Berhormat Pengurus, satu perkara yang kaola rasa kita perlu untuk mengamat-amati sejenak akan perkara yang realistik perlu difahami dan diketahui dan disyukuri akan realiti skim pengurnian perumahan di bawah Skim Kurnia Perumahan Rakyat dan Rumah Rakyat Jati ini ialah, pertama, rumah-rumah ini dikurniakan dengan harga subsidi lebih 60% harga sebenar kos bagi sebuah rumah tersebut. Perlu juga kita mengetahui bahawa harga yang dibayar setelah menerima rumah-rumah kurnia tersebut adalah kurang dari separuh harga asal kos pembinaannya,"

kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kedua, penerimaan anugerah rumah kurnia ini diberikan ruang masa sehingga 30 tahun untuk membayar balik, kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**"PERKARA ini ada di antaranya telah ada usaha pernah dibuat pada tahun lepas dalam kitani mencari ikhtiar untuk mendapatkan terutama sekali *a more favorable financing* dan PPP. Memang ada mengadakan perjumpaan, menerima tawaran daripada konsortium daripada luar negara yang datang untuk membuat penyediaan rumah yang dikatakan lebih murah tetapi setelah mengadakan beberapa perbincangan didapati belum dapat menepati hasrat kitani untuk mendapatkan sokongan PPP dari segi untuk memastikan harga yang murah dan masih lagi memerlukan bebanan kewangan daripada kerajaan untuk membayar kos-kos pembinaan. Bukan seperti yang dijangkakan semasa menerima cadangan dan tawaran,"** jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

lagi.

"Jadi, kaola ingin dan perlu rasanya untuk mengatakan ini semua adalah ihsan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang mencerminkan kasihnya baginda, keprihatinan baginda dalam memelihara kesejahteraan rakyat baginda dalam memenuhi hasrat supaya rakyat baginda yang tidak mampu memiliki rumah diberikan bantuan sebaiknya. Dan dalam perkara ini jika dibuat perbandingan rasanya tidak ada contoh perbandingan di tempat lain, disediakan tanah, rumah bersubsidi, kurang daripada separuh harga kos dan pembayaran sehingga 30 tahun, pembayaran tidak ada *charges, interest* dan sebagainya," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 19 Mac - Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati mencerminkan kasih dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara kesejahteraan rakyat.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-15 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dalam jawapannya kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN.

Dalam memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah membuat rumusan jawapan dengan merangkumkan perkara-perkara dan idea-idea yang telah dibangkitkan di dalam persoalan-

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dan rumah telah meninggal dunia, waris boleh menuntut tanah dan rumah berkenaan dengan menghadapkan permohonan tukar milik kepada Jabatan Kemajuan Perumahan mengikut syarat-syarat tukar milik yang telah ditetapkan oleh jabatan berkenaan. Demikian antara yang

diujarkan secara ringkas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bagi menjawab secara ringkas soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang menyentuh mengenai pemilikan tanah di bawah Skim Perumahan Negara.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menambah bahawa pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan

mengambil tindakan kepada pemilik-pemilik tanah dan rumah yang didapati menjual tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara seperti menarik balik tanah dan rumah berkenaan.

"Itulah secara ringkas yang dapat disampaikan mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Isnin, 18 Mac - Jika pemilik tanah

## PERMOHONAN MENGIKUT SYARAT TUKAR MILIK

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

dan rumah telah meninggal dunia, waris boleh menuntut tanah dan rumah berkenaan dengan menghadapkan permohonan tukar milik kepada Jabatan Kemajuan Perumahan mengikut syarat-syarat tukar milik yang telah ditetapkan oleh jabatan berkenaan. Demikian antara yang

diujarkan secara ringkas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Berkenaan dengan Pelan Induk Kemajuan Bandar



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

Seri Begawan dan Daerah-daerah, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa sebagaimana dalam mukadimah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah disampaikan baru-baru ini, kementerian berkenaan sedang me'review' Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan yang telah diluluskan pada tahun 2011.

Di samping menyemak pelan-

daerah di daerah yang dikendalikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Yang Berhormat seterusnya menambah, bertujuan untuk menyelanjurkan hala tuju Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan dan dengan mengambil pendekatan Whole of Nation Approach.

Iaitu, tambah Yang Berhormat, dengan menukuasakan kerja di peringkat jabatan dan buat masa ini, melibatkan Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai resource person.

Demikian antara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bagi menambah jawapan soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee berkenaan dengan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan.

"Sebagai tambahan juga Yang Berhormat Pengurus, berkenaan dengan isu gerai di tepi-tepi jalan ini, sama juga pernah kaola sampaikan dalam mukadimah kaola yang mana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan dalam menangani isu gerai yang bertapak di tepi-tepi jalan ini," jelas Yang Berhormat.

"Sebagaimana yang pernah kaola kongsikan juga sebanyak 13 buah tapak tanah di seluruh negara telah pun disediakan melalui Majlis Perancangan Guna Tanah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan," tambah Yang Berhormat lagi.

"Alhamdulillah, status terkini dua buah tapak tanah, satu di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong dan

satu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri telah diwartakan di bawah Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

"Pada 7 Mac 2024, gerai yang disediakan di Kampung Tagap telah mula digunakan dan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Perundingan Mukim di Mukim Sengkurong," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menjelaskan bahawa 11 tapak lagi sedang dalam proses perwartaan pada mana tujuh tapak telah diberikan kebenaran *early development* oleh pihak Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-jabatan Daerah akan mengusahakan tapak-tapak berkenaan bagi kegunaan orang-orang kampung berniaga.

## MENYEDIAKAN GARIS PANDUAN PENEROKAAN, PERLOMBONGAN KUARI GALIAN



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan.**

isu pencemaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengambilan pasir di Sungai Paku, Telisai dan beberapa kawasan di Daerah Temburong.

Mengenai dengan impak yang terjadi daripada aktiviti pengambilan pasir ini, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan melaksanakan kerja-kerja pengorekan sungai khususnya di Sungai Telamba, Sungai Pepakan, Sungai Danau dan mulut Sungai Tutong yang mana akan dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) ini nanti.

Salah satu langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan ialah dengan menyediakan garis panduan penerokaan dan perlombongan kuari galian yang mengandungi syarat-syarat dan peraturan yang perlu diikuti oleh setiap pengusaha perlombongan pasir yang beroperasi.

Demikian antara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20,

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam memastikan pengambilan pasir menepati syarat sekali gus menjaga ekologi persekitaran, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menjelaskan bahawa garis panduan ini akan menetapkan peraturan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pengambilan pasir demi memelihara ekologi



persekitaran.

Setakat ini ada tujuh buah syarikat yang membuat aktiviti pengambilan pasir tersebut dan sejauh ini, ketujuh-tujuh syarikat ini telah didapati melakukan kesalahan di antaranya ialah kesalahan kerana tidak ada menyediakan *sediment control mechanism* yang menyebabkan banjir dan pencemaran air di sungai tersebut.

Kedua, tambah Yang Berhormat ialah pengambilan pasir yang tidak terkawal dan tidak berancang. Ketiga ialah aktiviti yang merosakkan infrastruktur kerajaan sekeliling longkang, jalan raya dan *electrical piller* yang terdapat di kawasan tersebut.

Ini adalah antara perkara yang telah dibuat amaran dan teguran kepada syarikat-syarikat berkenaan dalam memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah teratur dan dapat memelihara perlindungan ke atas kawasan-kawasan dan habitat persekitaran tersebut serta harta benda awam yang terdapat di sana.

"Buat masa ini, Kementerian

Pembangunan sedang dalam usaha untuk merangka akta dan garis panduan yang lebih tepat dan fokus dalam membuat tindakan pemantauan dan penguatkuasaan serta pertimbangan denda yang dapat diambil kira bagi kesalahan-kesalahan di dalam aktiviti quarry seperti ini insyaAllah akan dapat diselesaikan pada penghujung tahun ini," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.

Dalam menjawab persoalan mengenai sistem-sistem penomboran rumah-rumah dan penyediaan *flyover*, Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menambah, perancangan ini ada dibuat dan bagi perancangan RKN Ke-13 nanti. Perkara ini ada sudah dibuat dalam susunan giliran bagi menangani masalah di kawasan tersebut.

"Tetapi pada masa ini, dengan jua Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, kaola akan mengaturkan supaya Jabatan Jalan Raya akan membuat pemantauan di jalan raya persimpangan tersebut bagi apa jua mangkali kaedah-kaedah yang dapat memperbaiki keadaan sementara kitani dapat merealisasikan perancangan bagi membuat *flyover* di jalan raya tersebut bagi dalam RKN Ke-13 nanti," tambah Yang Berhormat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam memastikan aktiviti-aktiviti mengambil pasir menepati syarat-syarat yang disediakan dalam menjaga ekologi persekitaran dikemukakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Dalam perkara tersebut, isu pencemaran alam sekitar ini adalah menjadi perkara yang diutamakan sebagai pemantauan dan tindakan Kementerian Pembangunan. Apa lagi mengenai

**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.**

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# PRODUK DIIKTIRAF PERLU PERSIJILAN PENGIKTIRAFAN KUALITI



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Produk-produk bahan asas binaan dan bahan binaan yang digunakan bagi projek-projek kerajaan mesti berdaftar dan diiktiraf di bawah Kementerian

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Pembangunan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid seterusnya berkata produk-produk yang diiktiraf berkenaan perlu persijilan pengiktirafan kualiti seperti ISO 9001 dan ISO 14001 serta laporan ujian-ujian daripada makmal ujian yang diiktiraf.

"Dalam pada itu juga, setiap jabatan pelaksana projek juga diperlukan untuk menyenaraikan keperluan spesifikasi seperti spesifikasi teknikal dan standard ke dalam dokumen-dokumen kontrak bagi bahan-bahan binaan yang akan digunakan mengikut skop keperluan projek yang juga termasuk keperluan bagi ujian-

ujian ketahanan bahan yang diperlukan.

"Setiap barang yang dibekalkan dalam projek tersebut perlu membekalkan sijil ujian atau sijil pengiktirafan sebelum dapat diluluskan untuk digunakan" kata Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri berkata demikian bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang bagi hari ke-14 di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Bangunan Dewan Majlis, mengenai kualiti barang binaan

bagi projek kerajaan.

Menurut Yang Berhormat Menteri, pihak kementerian turut mengambil inisiatif untuk menjadi ahli penuh dalam Asia Pacific Accreditation Council (APAC).

Dengan pengiktirafan tersebut nanti ujar Yang Berhormat Menteri, mana-mana makmal yang melaksanakan kerja ujian bahan asas binaan dapat diakreditasi dan didaftar untuk diiktiraf selaras dengan makmal-makmal yang diiktiraf secara antarabangsa.

"Ini juga bertujuan untuk mengurangkan bebanan seperti *technical barrier* di dalam aktiviti import dan eksport terutama sekali bagi bahan-bahan asas pembinaan dan akan dapat membantu dalam pengiktirafan barang-barang tempatan," kata

Yang Berhormat Menteri.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri menyambut baik cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bagi penubuhan satu organisasi yang diiktiraf untuk meneliti kualiti produk keluaran tempatan supaya dapat memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat Menteri, ia akan memerlukan pendekatan khusus dengan pusat standard kebangsaan dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Yang Berhormat Menteri menambah, pada masa ini terdapat barang yang diuji dan diiktiraf oleh badan luar negeri seperti SIRIM dan orang ramai digalakkan untuk memilih barang-barang yang telah disahkan kualitinya oleh badan-badan pengiktirafan tersebut.

## Projek Pedestrian Masterplan untuk menyediakan laluan pejalan kaki

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Keperluan kesalinghubungan infrastruktur atau *infrastructure connectivity* antara yang ditekankan dalam garis panduan dan piawaian perancangan kemajuan termasuk perumahan, perniagaan serta industri, dan merupakan antara piawaian perancangan yang perlu dipatuhi dalam penyediaan.

Ia diperlukan sebelum kebenaran diberikan kepada mana-mana rancangan kemajuan sesebuah bangunan atau projek antaranya dalam menyediakan ruang laluan kaki lima mengikut saiz serta kelebaran-kelebaran tertentu bagi memudahkan pergerakan orang ramai atau penggunaannya.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang bagi hari ke-14 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, mengenai kekurangan infrastruktur untuk pejalan kaki.

Selain daripada itu jelas Yang Berhormat Menteri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) berkolaborasi dengan Jabatan Jalan Raya untuk melaksanakan sebuah projek rintis, iaitu Pedestrian Masterplan untuk menyediakan rangkaian laluan bagi pejalan kaki atau *connectivity network* di kawasan-kawasan komersial serta kawasan bangunan kerajaan yang terletak di Kompleks Airport Lama Berakas.

Mengulas mengenai Strategi Perbandaran Mampan ASEAN (ASEAN Sustainable Urban Strategy-ASUS), Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa JPBD kini sedang menyediakan pelan tindakan sebagai persediaan bagi rancangan kolaborasi projek mampan bersama Universiti Brunei Darussalam untuk memperluaskan strategi ASUS, iaitu *localisation of strategy* melalui inisiatif perbandaran mampan.

"Ini termasuk cadangan untuk bekerjasama dengan UN Habitat bagi mendapatkan bantuan kepakaran teknikal di dalam tempoh pelaksanaan projek ini," ujar Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menambah,

projek tersebut merupakan perkembangan dari Projek Pedestrian Masterplan yang akan diperluaskan lagi untuk menghubungkan beberapa kawasan komersial menjadi sebuah pelan induk kesalinghubungan atau *connectivity master plan*.

Yang Berhormat Menteri juga turut menyambut baik cadangan Yang Berhormat Chong Chin Yee mengenai kepentingan untuk menerima dan mengambil berat input orang awam dalam proses perancangan supaya perancangan yang dilaksanakan dapat mencerminkan keperluan aspirasi rakyat dan menyediakan infrastruktur yang diperlukan dalam menyokong kehidupan masyarakat yang sihat, keusahawanan dan sejahtera.

Jelas Yang Berhormat Menteri, mengenai usaha Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) dalam merancang kawasan perumahan, lazimnya satu kajian dibuat terlebih dahulu untuk menghasilkan pelan induk supaya prasarana dan keperluan sama ada dari segi kehidupan, ekonomi dan masyarakat diambil kira dan dirancang secara holistik mungkin, yang juga mengambil kira prasarana sedia ada di kawasan perumahan tersebut.

"Jadi dalam merancang pelan induk ini, perbincangan diadakan termasuk juga soal selidik dengan pihak-pihak yang relevan untuk memastikan sebanyak mungkin keperluan mereka diambil kira dan apabila pelan induk ini dibuat

di peringkat akhir dan ia akan diberikan lagi, dibincangkan lagi untuk mendapatkan pandangan-pandangan mereka mengenainya.

"Dan boleh dikatakan juga setelah proses ini dibuat, *kitani* akan mendapat satu *master plan* yang ideal, tetapi disebabkan oleh beberapa perkara, pelaksanaan *master plan* yang ideal ini perlu dibuat berfasa dengan peringkat-peringkat, mengikut adanya perkara-perkara yang *financial enablers* untuk *kitani* membuat secara berfasa," terang Yang Berhormat Menteri.

Bagi menjawab persoalan mengenai kekurangan infrastruktur yang seajar untuk perkembangan sepenuhnya dalam mendorong keusahawanan pulak, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menegaskan bahawa perusahaan terbabit mesti mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada supaya tidak menyebabkan masalah dan kesulitan kepada sesiapa lebih-lebih lagi jika melibatkan isu-isu keselamatan misalnya berjaya di tepi jalan tanpa mendapatkan kebenaran, yang melanggar peraturan tanah dan membahayakan pengguna jalan raya.

"Dalam hal ini, kerajaan membantu dalam menyediakan tapak-tapak yang lebih sesuai kepada penjaja-penjaja secara kecil-kecilan ini."

"Jadi Skim Peraturan Perumahan Negara tidak membenarkan perniagaan di kawasan perumahan kecuali di tempat yang telah disediakan.

"Ia bertujuan untuk menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kejiranan juga," kata Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menyatakan sering terdapat aduan daripada orang ramai di mana ada kawasan perumahan yang menjalankan perniagaan sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas, meletakkan kereta sehingga masuk menceroboh kawasan-kawasan perumahan jiran-jiran serta mengakibatkan kerosakan jalan raya dan kawasan-kawasan taman jiran.

"Ini adalah di antara perkara-perkara yang masih lagi ditangani, yang berlarutan disebabkan oleh tindakan-tindakan sebahagian daripada pemilik rumah yang menjalankan perniagaan di kawasan perumahan.

"Di dalam menangani masalah ini juga, JKP pun *reach out* juga dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu di kawasan-kawasan perumahan tersebut, supaya dapat mengambil pertimbangan mengenai dengan apakah tindakan yang lebih sesuai dalam menangani masalah ini dan juga memikirkan tempat-tempat yang lebih sesuai untuk dijadikan tapak yang boleh disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan mereka yang menjalankan usaha-usaha perniagaan di kawasan perumahan tersebut," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR, PENGGANTIAN PERALATAN LOJI RAWATAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi pertama sekali merujuk soalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, iaitu berkenaan Projek RKN-12 dengan jumlah BND261 juta yang mana persoalan yang dibangkitkan ialah mengenai sasaran kualiti sistem air di negara ini menjelang tahun 2035 dalam keterjaminan air bersih kepada pengguna.

Dalam menjawabnya, Yang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

Berhormat Menteri menjelaskan perancangan jangka panjang projek-projek melalui peruntukan RKN yang dirujuk tadi seperti projek pembinaan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada dan penggantian peralatan-peralatan di loji-loji rawatan di negara ini serta usaha-usaha review, menilai semula reka bentuk dan proses rawatan air yang dipraktikkan selama ini.

Dalam memperbaiki proses rawatan air yang lebih berkesan dan lebih selamat jelas Yang Berhormat Menteri, insyaAllah dengan siapnya projek-projek ini nanti akan dapat meningkatkan lagi sistem bekalan air yang lebih efektif dan lebih *reliable*.

Menurut Yang Berhormat Menteri, antara projek-projek yang sedang berjalan dan akan dilaksanakan dalam RKN-12 nanti termasuk juga kerja-kerja yang telah dibuat dan sedang berjalan bagi RKN-11, iaitu pertama meningkatkan taraf loji-loji rawatan air yang sedia ada yang sudah beroperasi rata-rata kebanyakannya lebih 20 tahun seperti Loji Rawatan Air Layong; Bukit Barun; Loji Rawatan Air Badas di Seria; dan Loji Rawatan Air Batang Duri, Temburong.

"Kedua ialah pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun peringkat lapan, iaitu loji yang baharu yang mana pada masa ini masih lagi dalam pelaksanaan bagi menambah 120 juta liter sehari

bekalan air bersih kepada Daerah Brunei dan Muara dan Tutong bagi memenuhi permintaan yang meningkat menjelang tahun yang mendatang sehingga pada 2035.

"Ketiga ialah menaik taraf Loji Rawatan Air Agis-agis yang pada masa ini berkapasiti 36 million litres per day untuk ditingkatkan penghasilan kepada kapasiti 72 million litres per day, double, yang akan bermula pada bulan April 2024 dan dijangka siap pada bulan April 2026," terang Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menggariskan yang keempat ialah menaik taraf Loji Rawatan Air Batang Duri, Daerah Temburong yang akan memberi tambahan sebanyak 20 million litres per day dari lima million litres per day yang ada pada masa ini, mengambil kira pertumbuhan di Daerah Temburong bekalan mencukupi ju bagi persediaan dengan siapnya beberapa infrastruktur baharu di Daerah Temburong nanti dengan tertubuhnya universiti tetap bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan kemajuan yang lain yang dirancang di bawah Autoriti Kemajuan Daerah Temburong yang masa ini dikendalikan oleh Pejabat Daerah Temburong.

Kelima ujar Yang Berhormat Menteri, ialah pengurusan *non-revenue water* bagi sistem bekalan air di Negara Brunei Darussalam (NBD) Fasa 3, yang mana inisiatif ini penting untuk

mengurangkan pembaziran air dan mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh kerajaan akibat kebocoran paip-paip lama dan juga mengakibatkan pembaziran air.

"Keenam ialah kajian bekalan sumber air bagi NBD sehingga tahun 2035 dengan mereview dan mengemaskinikan pelan perancangan sistem bekalan air negara dan memastikan kemajuan infrastruktur bekalan air selaras dengan kemajuan Brunei Land Use Plan.

"Ketujuh satu lagi inisiatif yang sedang dirancang di jabatan ini ialah mendapatkan khidmat pihak ketiga yang boleh memeriksa dan menilai tahap kualiti air bersih yang dikeluarkan dari loji-loji air di negara ini selaras dengan ISO standard umpamanya ISO 17025 bagi memperbaiki lagi keterjaminan kualiti air yang dihasilkan," tegas Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri juga menambah, Jabatan Kerja Raya juga mempunyai perancangan untuk mlaratkan penyediaan sistem pembentangan berpusat ke kawasan yang pesat membangun atau *densely develop areas*.

Penyediaan sistem pembentangan berpusat ini kata Yang Berhormat Menteri, dilaksanakan secara berfasa mengikut kapasiti dan peruntukan yang ada memandangkan peruntukan bagi menyediakan sistem ini adalah peruntukan kewangan yang cukup besar.

"Bagi kawasan-kawasan yang



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

pembangunannya belum padat seperti yang dibangkitkan tadi, maka sistem tangki septik adalah sistem yang diiktiraf sesuai untuk digunakan seperti ju di negara-negara yang lain dengan kepadatan penduduk yang lebih kurang sama (*less dense areas*).

"Untuk makluman ju, sistem rawatan tangki septik dan sistem *software* ini, perlu diketahui ju, dibuat dengan keperluan pemeliharaan secara berkala.

"Ia bukanlah *maintenance free* bagi memastikan pengaliran air sentiasa berfungsi dan kualiti rawatan air najis tidak mencemarkan persekitaran dan adalah menjadi tanggungjawab tuan punya rumah untuk memastikan ia dbersihkan mengikut tempoh waktu yang bersesuaian yang lazimnya ada ditetapkan," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.

## Kenal pasti kawasan untuk dijadikan sebagai Pusat Pertumbuhan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Melalui pelan pembangunan Daerah Tutong umpamanya, Tutong District Plan 2005/2025, Bandar Tutong dan Mukim Pekan Tutong untuk dikekalkan menjadi tumpuan utama pembangunan, keperluan untuk memperluaskan kawasan perbandaran sedia ada juga turut

dikenal pasti.

Kedua, ialah bagi menjana kemajuan di kawasan kampung pula terutama sekali di kawasan luar bandar.

Beberapa kawasan Pusat Pertumbuhan luar bandar telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai Pusat Pertumbuhan, umpamanya yang jelas di mana ada usaha dibuat pada masa ini ialah bagi Pusat Pertumbuhan di Kampung Lamunin Menengah dengan keluasan 1,321 hektar, Pusat Pertumbuhan di Kampung Kebia 170 hektar dan Kampung Pak Bidang 207 hektar.

Menurut Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berucap demikian pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat

Minister, strategi perancangan dan kemajuan guna tanah adalah untuk menyediakan kawasan-kawasan perumahan, perusahaan dan perniagaan bagi menarik kependudukan di kawasan-kawasan pertumbuhan tersebut

dan ini adalah contoh di Daerah Tutong.

Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara berkenaan bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad

bin Abdullah@ Lim Swee Ann mengenai dengan tindakan kementerian dalam usaha untuk membantarkan kawasan kampung dan mengazetkan kawasan-kawasan tanah status komersial dan seumpamanya.



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan tersebut.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



# TINGKATKAN KEUPAYAAN DENGAN MENAIK TARAF TAPAK PENGUMPULAN SAMPAH

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan mengenai dengan nisbah yang digunakan untuk satu tempat pembuangan sampah bagi setiap kawasan penempatan penduduk dan perancangan masa hadapan ke arah meningkatkan kualiti tempat-tempat pembuangan sampah.

Isu tempat pembuangan sampah ini adalah sering dibangkitkan dan kerajaan dalam perkara ini telah membuat pelaburan dalam berjuta-juta ringgit dalam memberikan perkhidmatan pengutipan sampah



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.

termasuk penyediaan tapak-tapak pembuangan sampah yang ada.

"Ini termasuklah juga kerja-kerja mengutip sampah dan membuat sampah-sampah ke tapak pelupusan sampah di Sungai Paku.

"Memang ada perkhidmatan-perkhidmatan pengambilan mengutip sampah ini secara melalui sektor swasta di mana pelanggan-pelanggan membayar secara bulanan, di sebalik itu pihak kerajaan masih lagi menanggung perbelanjaan yang tinggi dalam usaha memastikan kebersihan melalui pungutan-pungutan dan pelupusan sampah ini," tegas Yang Berhormat Menteri pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menambah, tempat-tempat pembuangan sampah dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) yang dilihat di kampung-kampung di seluruh negara berjumlah 44 tapak, iaitu 12 buah tapak di Daerah Brunei dan Muara, 28 buah tapak di Daerah Tutong, 11 buah tapak di Daerah Belait dan 296 tong

sampah di sepanjang jalan di Daerah Temburong.

Kerajaan juga terang Yang Berhormat Menteri, menyediakan perkhidmatan kutipan sampah rumah ke rumah secara percuma bagi penduduk di Kampong Ayer, penduduk di Kampung Batu Marang dan penduduk di Kampung Sungai Bunga sebagai salah satu usaha dalam memastikan sampah tidak dibuang ke sungai dan memastikan kebersihan Sungai Brunei daripada pencemaran sampah.

Seperti yang telah dimaklumkan juga ujar Yang Berhormat Menteri, di tahun yang sudah keadaan ini adalah tidak mampu dan kurang efektif kerana perbelanjaan kerajaan untuk pemeliharaan tapak dan prasarana dan kerja-kerja pengutipan sampah ini adalah kira-kira BND1.3 juta setahun tidak termasuk belanja untuk mengutip sampah yang dibuang di merata tempat secara *illegal* oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Menteri juga menekankan bahawa penempatan tapak-tapak pembuangan sampah yang disebutkan tadi adalah berdasarkan kepada keperluan dan penilaian yang dibuat bersama penduduk-penduduk kampung itu sendiri melalui perbincangan dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu mukim

dengan memilih tempat yang sesuai dan strategik bagi setiap keperluan bagi setiap kawasan penempatan.

"Dalam usaha kerajaan untuk terus memberikan perkhidmatan yang baik, JASTRe juga berusaha meningkatkan keupayaan antaranya ialah dengan menaik taraf beberapa tapak-tapak pengumpulan sampah di Daerah Brunei dan Muara, Temburong, Tutong dan Belait seperti meluaskan kawasan, menambah *skip* sampah, menaik taraf keadaan struktur tapak bagi keselesaan dan keselamatan orang ramai masuk dan keluar untuk membuat sampah, menambah kekerapan pengutipan sampah dan pembersihan kawasan tapak, tapak-tapak di Daerah Brunei dan Muara juga menyediakan 13 buah mesin 'Hydraulic Portable Electrical Waste Compacter' yang terkini dan canggih yang mampu menampung sampah sebanyak 15 *stamp* berbanding *skip* sampah biasa yang hanya muat bagi lima muatan sampah sahaja.

Yang Berhormat Menteri sekali lagi menggariskan tentang perancangan untuk menubuhkan loji *incinerator waste to energy* sebagai langkah ke hadapan untuk menyelesaikan masalah perkara pelupusan sampah ini.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Di samping itu juga tambah Yang Berhormat Menteri, usaha juga dibuat oleh Bahagian Undang-undang untuk *mengusai* dan mereview peruntukan kuasa kepada JASTRe dan juga dalam mengawasi perkara-perkara yang melibatkan pembuangan sampah ini.

Demikianlah jawab balas yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi menjawab soalan yang ditanyakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @Lim Swee Ann mengenai perancangan pihak kerajaan ke arah meningkatkan kualiti tempat-tempat pembuangan sampah yang lebih bersistematis.

## Usaha memperbaiki jalan rosak giat dilaksanakan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Mengenai dengan projek jalan raya, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan

Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menyambut baik usaha cadangan yang diberikan mengenai dengan usaha-usaha untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak dan perkara

ini juga sebaiknya seperti yang disebutkan supaya dapat terus dibuat aduan melalui *channel-channel kitani* yang sudah disediakan ini sama ada telefon terus, menghantar mesej melalui WhatsApp jadi perkara ini dapat ditangani dengan secepat yang mungkin.

"Mengenai dengan kawasan-kawasan pedalaman di kawasan Merangking, Sukang dan Melilas, kaola pada bulan Disember ada membuat lawatan ke kawasan ini dan sendiri melihat akan keadaan jalan raya di sana yang memerlukan pembaikan.

"Jadi usaha sedang dibuat melalui satu *term contract* yang dibuat pada masa ini untuk memperbaiki jalanan tersebut dengan mengambil beberapa *exception* di mana terdapat susur tanah yang melibatkan jalan tersebut ada separuh daripadanya telah rosak dan tenggelam dan perkara

ini akan memerlukan penelitian yang lanjut dalam mendapatkan *assessment* keperluan kerja-kerja yang perlu dibuat dan seterusnya juga akan menunjukkan beberapa peruntukan-peruntukan yang diperlukan untuk memperbaiki keadaan tersebut," terang Yang Berhormat Menteri.

Mengenai dengan jalan ini juga, Yang Berhormat Menteri menegaskan pada tahun 2022 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan dua projek pembelaan jalan secara *sectional* di kawasan Mukim Bukit Sawat dan Mukim Sukang sepanjang 1.04 kilometer di mana jalan yang telah dibaiki dengan *asphalt finish* manakala 1.6 kilometer jalan ditembok dan diratakan menggunakan *crusher run* menggunakan batu-batu halus.

Pada masa ini kata Yang Berhormat Menteri, JKR sudah

mulakan kerja-kerja meratakan jalan di tiga mukim di Ulu Belait, kerja-kerja ini bertujuan sebagai kontrak penggal untuk meratakan jalan-jalan yang rosak di sepanjang jalan pedalaman di Daerah Belait sebagai langkah ke hadapan untuk memastikan jalan raya dapat dilalui dengan lebih baik.

"InsyaAllah, JKR akan melaksanakan kerja-kerja pembelaan secara berterusan menggunakan kontrak penggal yang sedia ada ini."

"Selain itu, terdapat juga sebanyak tujuh kawasan sepanjang jalan yang mengalami cerun-cerun yang runtuh yang mana peruntukan dipohonkan bagi menangani di bawah bencana alam, dua projek telah bermula pada bulan Februari manakala selebihnya masih lagi menunggu kebenaran," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

# MEREBUT GANJARAN PAHALA BERLIPAT GANDA

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama rombongan KHEU menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih serta Witir Berjemaah berada di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

**KAMPUNG KIARONG**, Selasa, 19 Mac. - Dalam sama-sama merebut ganjaran pahala berlipat ganda dengan mempertingkatkan amal ibadat bersempena bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan ini, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) malam tadi berada di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih serta Witir Berjemaah.

Turut serta, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bersama Datin; dan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad berserta isteri.

Sembahyang Sunat Tarawih malam tadi diimamkan oleh mahasiswa Diploma 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Bazli Ra'if bin Haji



Zulkifli.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin

Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura,

Yang Berbahagia Kadir Maideen Mohamed; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; dan

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dan isteri. Juga hadir, para pegawai kanan KHEU.

## Rombongan KHEU adakan Qiamullail



**MERAGANG**, Selasa, 19 Mac. - Dalam meraih keberkatan pada bulan Ramadan yang Mubarak ini, serta merebut peluang sebanyaknya bagi meningkatkan amal ibadat

serta iman dan takwa kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Qiamullail dan Sembahyang

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama rombongan KHEU dan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad semasa menyertai Qiamullail dan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang menyertai majlis berkenaan.

Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Az-Zakireen Meragang.

Turut menyertai, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bersama Datin dan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad berserta isteri.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura, Yang Berbahagia Kadir Maideen Mohamed; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



Salleh dan isteri.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Tasbih Berjemaah, diikuti dengan wirid dan

Doa Sembahyang Sunat Tasbih serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Hadir sama, para pegawai kanan KHEU.





**سُورٰه نجٰي فرْخِمَتْنَ عَوَام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
[WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) | [WWW.SPA.GOV.BN](http://WWW.SPA.GOV.BN)

### IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan Jawatan, Syarat-syarat Kelayakan serta Huraian Tugas dan Tanggungjawab boleh dilayari di [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

#### PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))

Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Surat transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengkritaran Kadlossen (MKPK) yang berkenaan)

Tandakan "✓" pada kotak sekam "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

Lengkapkan Maklumat (Muras / peperiksaan / Pengiktirafan Perkhidmatan Awam / Ijazah-Ijazah / kelayahan profesional dan lain-lain yang diperlukan dalam skim iklan)

Bagi Telefon WhatsApp: [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) Bagi media sosial: [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

+673 7371961 | [Facebook](https://www.facebook.com/SPABRUNEI) | [Instagram](https://www.instagram.com/SPABRUNEI/) | [Email](mailto:query@spa.gov.bn)

# KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA DALAM PERKHIDMATAN UGAMA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura dan rombongan yang dihoskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, kedua-dua Menteri berbincang mengenai pengukuhan kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara terutama dalam perkhidmatan ugama.

Kunjungan hormat berkenaan

berlangsung di Semaun Café, Jalan Jerambak, Bandar Seri Begawan, di sini.

Atur cara diselajurkan dengan Majlis Iftar bagi meraikan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura dan rombongan yang dihoskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Antara yang hadir sama pada kunjungan hormat dan Majlis Iftar petang tadi ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura, Yang Berbahagia Kadir Maideen Mohamed; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh bersama isteri masing-masing.

Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bersama delegasi sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari di negara ini bermula dari 18 Mac hingga 20 Mac 2024.

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama** menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad (kanan dan bawah).




**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH



## Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan diteruskan lagi

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Dalam sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan, Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan lagi malam tadi bagi malam ketujuh di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Ini disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah para pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II** semasa hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman (kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



# Lipat gandakan pahala dengan Tadarus Al-Quran

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Bertadarus Al-Quran (Juzuk 7) yang diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan (atas dan atas kanan).**

**TUTONG**, Selasa, 19 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Juzuk 7) yang diselajurkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini.

Majlis diadakan di Surau

As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), petang tadi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Terdahulu sebelum majlis



bermula, para hadirin menuaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Guru Agama, Hospital PMMPMHAMB, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Majlis kemudian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan Majlis Bertadarus serta Tahlil dan Doa Arwah.

Seterusnya acara penyampaian

derma kepada enam orang anak yatim terdiri daripada anak-anak warga kakitangan Hospital PMMPMHAMB.

Majlis seumpamanya adalah merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini, di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan silaturahim

di antara warga Kementerian Kesihatan dengan warga Hospital PMMPMHAMB.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

## 3,581 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**BERAKAS**, Isnin, 18 Mac. - Seramai 3,581 anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan yang dihulurkan melalui gabungan Tabung Anak-anak Yatim JAPEM, Tabung Dana Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Daripada jumlah tersebut, seramai 2,329 adalah anak yatim yang berdaftar di DBM; 559 anak yatim berdaftar di Daerah Tutong; 533 anak yatim berdaftar di Daerah

Belait dan; 160 anak yatim berdaftar di Daerah Temburong.

Jumlah sumbangan yang dihulurkan melalui Tabung Anak-anak Yatim JAPEM adalah sebanyak BND358,100. Manakala Tabung Anak Yatim DBM menyumbangkan sejumlah BND34,935 dan sumbangan BIBD berjumlah BND179,050.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan yang dikelolakan oleh KKBS melalui JAPEM dengan kerjasama Jabatan DBM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan BIBD

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan), manakala gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan sampul derma.**



berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyampaikan sampul-sampul derma ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus Lembaga Pengarah BIBD; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa ayat 36 hingga 39 oleh Awang Mohammad Syafiq Hazwan bin Johari dan kemudian diterjemahkan oleh Awang Muhammad Azka Ajyad bin Haji Mayad, masing-masing penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Acara diikuti dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 4, Pejabat Masjid DBM, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Skim Hadiyah

Galakan Pelajar-pelajar Cemerlang BIBD kepada 11 anak yatim yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peringkat 'A' dan 'O', Sijil Tinggi Pelajaran Uigma Brunei (STPUB) dan Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2023.

Hadiyah-hadiyah tersebut juga disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Urus Setia Tabung Anak-anak Yatim sangat mengalau-alukan sumbangan derma dari orang ramai bagi sama-sama menghulurkan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah pendaftaran kebangsaan.

Sumbangan derma tersebut bolehlah dihulurkan melalui kaedah berikut iaitu Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, JAPEM, Tingkat 2, Bangunan KKBS semasa waktu pejabat sahaja atau melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim yang berlangsung selama sembilan bulan mulai 5 Mac 2024 hingga 5 Disember 2024 dengan menerima YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif dan

bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999; atau melalui BIBD 'online' atau memasukkan derma ke nombor akaun 0000-101-004-9034 di bawah nama akaun 'Tabung Anak-anak Yatim'.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, JAPEM menerusi talian +673 2380704 pada waktu pejabat atau menghubungi Talian Kebajikan 141 atau Talian Anak 121 pada bila-bila masa.

Mudah-mudahan dengan adanya sumbangan daripada orang ramai akan dapat membantu anak-anak yatim dalam menyambut bulan Syawal selain meraih pahala yang berlipat ganda pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan sekali gus untuk mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengurus Majlis, Pemangku Pegawai DBM, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, pegawai-pegawai daerah, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan wakil-wakil BIBD.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

'The Supply And Delivery Of Uninterruptible Power Supply (UPS) System For Automatic Dependent Surveillance - Broadcast (ADS-B), Aeronautical Telecommunication Services, Department Of Civil Aviation' ATELS / 2024 / SH-10

**Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :**

20 Mac 2024,  
Rabu

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :**

2 April 2024,  
Selasa

**Kepada:**

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513

Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**

3 April 2024, Rabu  
(Tidak lewat  
jam 2.00 Petang)

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM005 / 2024

**Bil. Projek**

2024DBSBM / MOD.03

**Nama Projek:**

Kontrak Penggal Satu (1) Tahun  
Bagi Kerja-Kerja Grass  
Cutting Dan Lanskap  
Bagi Aset Bangunan Di Bawah  
Kementerian Pembangunan,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**

BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

**Kelas :**

III dan IV sahaja

**Kategori :**

KPB05

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM003 / 2024

**Bil. Projek**

2024DBSBM / MOD.01

**Nama Projek:**

Kontrak Penggal Satu (1) Tahun  
Bagi Kerja-Kerja  
Perkhidmatan Janitori  
Bagi Aset Bangunan Di Bawah  
Kementerian Pembangunan,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**

BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

**Kelas :**

V dan VI sahaja

**Kategori :**

B02

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DBSBM004 / 2024

**Bil. Projek**

2024DBSBM / MOD.02

**Nama Projek:**

Kontrak Penggal Satu (1) Tahun  
Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan  
Aset Bangunan Di Bawah  
Kementerian Pembangunan,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**

BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Kelas :**

III dan IV sahaja

**Kategori :**

S02



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**

III (II & III) sahaja

**Kategori:**

KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DDS 004 / 2024 – (CDE).T.III

**Nama Projek:**

Kerja-Kerja Saliran  
Di Simpang 287, Jalan Subok

**Yuran Tawaran:**

BND50.00

**Pemberitahuan Tawaran****Tawaran****Bilangan Tawaran:**

KK / 44 / 2024 / ESTETMOH

**Keterangan :**

Term Contract For Disposal Of Hazardous Waste Including Collection, Transportation And Incinerate Services From Rimba Dialysis Centre And Kiarong Dialysis Centre For A Period Of Three (3) Months

**Yuran Tawaran:**

BND30.00

**Bilangan Tawaran:**

KK / 46 / 2024 / JPKAS(TC)

**Keterangan:**

Domestic Waste Collection And Disposal Services For Foreign Workers Health Screening For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pembekal / Pemborong:**

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai lesen untuk mengendalikan perkhidmatan pengumpulan dan pelupusan sisa domestik

**Yuran Tawaran:**

BND10.00

**Bilangan Tawaran:**

KK / 47 / 2024 / SSBH(TC)

**Keterangan:**

The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Mitsubishi Lift At Block K, Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Three (3) Years



**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**Bilangan Tawaran:**

DES / JAN / RFI / 01 / 2024

**Tajuk Tawaran:**

Transportation, Installation, Operate, Maintain and Rental Modular Backup Power Generators (On A Turnkey Basis) For The Department of Electrical Services (DES) Power Stations A Period Of Three (3) Years

Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**

23 April 2024,  
jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup :**

Selasa  
23 April 2024,  
jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup :**

'Tender Box'

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam

**Pemberitahuan Tawaran****Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / 19 / 2023-2024  
Membina Podium Peletakan Batu Asas Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba (Binaan Kekal), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1445-H-1446H / 2023M-2024M

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**

Rabu,  
23 Ramadhan 1445H /  
3 April 2024M,  
tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.



فليتا برunei  
PELITA BRUNEI



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas :**  
II, III, IV dan / atau V

**Kategori :**  
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
Rabu

20 Mac 2024  
**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa  
9 April 2024  
**Tarikh Tutup Pada :**  
Selasa  
16 April 2024  
Sebelum jam 2.00 Petang  
(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)  
**JASTRE / KB / T004 / 2024**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Kuala Belait, Daerah Belait Bagi Tempoh



Dua (2) Tahun  
**No. Projek :**  
JASTRE / KB / T004 / 2024

**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND 30.00  
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
III & IV

**Kategori :**  
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
2 April 2024  
(Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
16 April 2024 (Selasa)  
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DTS / 08 / CQS /2024-T/III

**Nama Projek :**  
Kerja-Kerja Pembinaan Semula Jeti-Jeti Di Perumahan Kampung Sungai Bunga (Fasa 1)

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas II, III, IV atau V**

**Kategori KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
18 Mac 2024 ( Isnin )

**Tarikh Akhir Mengambil :**  
9 April 2024 ( Selasa )

**Dokumen Tawaran**  
**Tarikh Tutup Pada :**  
16 April, 2024 ( Selasa )  
Sebelum Jam : 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T002 / 2024**  
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Lanskap Di Jambatan Pekan Bangar (Fasa 2), Daerah Temburong.

**No. Projek :**  
JASTRE / BL / T002 / 2024

**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas II, III, IV atau V**

**Kategori KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
18 Mac 2024 ( Isnin )

**Tarikh Akhir Mengambil :**  
9 April 2024 ( Selasa )

**Dokumen Tawaran**  
**Tarikh Tutup Pada :**  
16 April, 2024 ( Selasa )  
Sebelum Jam : 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T003 / 2024**  
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Lanskap Di Waterfront Pekan Bangar, Daerah Temburong.

**No. Projek :**  
JASTRE / BL / T003 / 2024

**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)



**Notis Sebut Harga**

**1. Bil. Sebut Harga :**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q01  
Invitation To Supply And Delivery  
Of 'HP' Printer Printing  
Toner Cartridges  
For Ministry Of Development

**2. Bil. Sebut Harga :**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q02  
Invitation To Supply, Delivery,  
Installation, Relocation, Checking  
And Testing Of Data Point  
Cat.6 Cabling For ABCi Building,  
Ministry Of Development.

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen**

**Sebut harga:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**  
Isnin, 18 Mac 2024

**Tarikh Akhir Pembelian**  
**dan Pembayaran:**

Rabu, 27 Mac 2024

**Tarikh Tutup:**

Isnin, 1 April 2024  
Jam : Sebelum  
9.00 Pagi



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
V

**Kategori :**  
M01

**Tarikh Akhir Mengambil**  
**Dokumen Tawaran Pada :**  
2hb April 2024  
(Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam  
12.00 Tengah Hari

**Tarikh Tutup :**  
16 April 2024



(Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DME / BOP-ACM / 04 / 2024

**Nama Projek :**  
Kerja-Kerja Penggantian Chiller No. 3 Dan Chiller No. 4 Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi (Fasa 2)

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)



**Jabatan Perbendaharaan**  
**Kementerian Kewangan**  
**dan Ekonomi**  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2324-QTN.12 / ADM

**Tajuk Tawaran :**  
Membekalkan Pelbagai Ink,  
Toner Dan Cartridge Bagi  
Jabatan Perbendaharaan.

**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2324-QTN.13 / ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Membekalkan Pelbagai Alat Tulis  
Dan Perkakas Bagi Jabatan  
Perbendaharaan.



## KHEDN BERTADARUS, HULUR DERMA KEPADA ANAK YATIM



**TELISAI**, Isnin, 18 Mac. - Masjid-masjid, surau dan balai ibadat di negara ini terus bergema dengan alunan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibaca dalam majlis-majlis Tadarus Al-Quran sem pen menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Tahun 1445 Hijrah /

2024 Masihi di Daerah Tutong berlangsung di Masjid Kampung Danau, Mukim Telisai Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulai dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diteruskan dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam

Masjid Kampung Danau, Tutong, Awang Abdul Hadi bin Abd. Rahman.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian derma kepada tujuh anak yatim dari Kampung Danau serta penyampaian wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara lain, majlis bertujuan untuk menjalankan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran dan menyampaikan wakaf (kiri dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

jabatan di dalamnya bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim / Kampung dan para pemimpin akar umbi serta menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan.

Majlis dihadiri oleh sekitar 100 orang terdiri daripada Setiausaha-setiausaha Tetap; dan Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai dan kakitangan

KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong berserta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Danau dan penduduk kampung sekitarnya.

## KHEDN anjur Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung juga tidak ketinggalan mengadakan

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis tersebut adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



KEMENTERIAN Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas dan kiri).

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman. Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil pada majlis tersebut dipimpin oleh Imam Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah.

# MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad yang diadakan di Syura 2, Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri.

Turut serta dalam rombongan Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lawrence Bay; Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Republik Singapura, Pengurus Religious Policy (OOM) Republik Singapura dan Pengurus Strategic Communications (Strategic Engagement) Republik Singapura. Turut hadir Penolong-penolong Mufti, Pemangku Pengarah Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan JMK.

Berucap semasa mengalum-alukan



TUAN Yang Terutama Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura semasa mengadakan lawatan.

rombongan Tuan Yang Terutama itu, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menyatakan bahawa pihak JMK amat menghargai keprihatinan TYT dalam memahami pembentukan kehidupan beragama dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari. "Ini menunjukkan usaha untuk memperkasa kehidupan harmoni dalam masyarakat sangat kita utamakan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, cabaran-cabaran kontemporari yang sedang kita hadapi ialah perubahan ideologi umat yang dipengaruhi oleh pemikiran dan fahaman yang tidak sesuai dengan prinsip hidup bersama yang diajar oleh Al-Quran untuk kita saling hormat menghormati dan berkenal-kenalan di antara sesama kita antara puak dan bangsa.

Contoh perubahan ideologi itu tambah Yang Berhormat ialah fahaman yang menganggap bahawa ugama adalah anutan semata-mata, perlu diasingkan daripada urusan keduniaan seperti pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

"Contoh lain ialah fahaman yang menganggap ugama adalah

penghalang kepada kemajuan pembangunan umat manusia. Saya kira, Brunei Darussalam dan Singapura sama-sama menyangkal ideologi seperti ini," ujar Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sementara itu, TYT Masagos Zulkifli pula mengongsikan, pihaknya di Singapura sedang berusaha untuk mewujudkan sebuah 'Masyarakat Gemilang' (Community of Success), bagi masyarakat Melayu Islam di Singapura iaitu masyarakat minoriti yang mewakili 15 peratus daripada penduduk Singapura.

Walaupun minoriti tambah TYT, mereka tetap mahu masyarakat ini dapat hidup dengan harmoni, sama-sama menjalani kehidupan yang bermakna dalam situasi kontemporari, terbuka dan mengalami perubahan dengan begitu pesat.

Pada kunjungan tersebut, rombongan dari Republik Singapura turut mendengarkan taklimat mengenai sejarah penubuhan JMK yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman.

Kunjungan tersebut diakhiri dengan lawatan ke Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIB). TYT Masagos Zulkifli berada di Negara



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad yang diadakan di Syura 2, Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (atas dan bawah).

Brunei Darussalam atas Lawatan Kerja dari 18 hingga 20 Mac 2024.

PIB adalah sebuah perpustakaan awam Islam yang komited menjadi pusat rujukan ilmu pengetahuan Islam yang lengkap selain bertanggungjawab dalam mengumpulkan apa juar maklumat mengenai agama Islam.

Setakat ini, PIB mempunyai lebih 250,000 naskhah dan 60,000 judul.

Pelbagai koleksi buku disediakan di perpustakaan ini seperti buku-buku terbitan JMK, Koleksi Fatwa Antarabangsa, Hadis, Fiqh dan Akidah.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk mempelajari dan memahami pembentukan kehidupan beragama dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari / masa kini dan formulasi fatwa di Negara Brunei Darussalam.



# ALAI PINTAR

SOALAN 20 MAC 2024, RABU

SOALAN **121**

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Di manakah letaknya Masjid Omar Ali Saifuddien?  
 a) Jerudong  
 b) Kuala Belait  
 c) Bandar Seri Begawan  
 2. Umat Islam mula berpuasa pada \_\_\_\_\_  
 a) 1 Syawal  
 b) 1 Ramadan  
 c) 1 Rejab  
 3. Nuzul Al-Quran disambut pada setiap \_\_\_\_\_  
 a) 17 Ramadan  
 b) 17 Syawal  
 c) 17 Muharam

TARIKH TUTUP: 30 MAC 2024

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 120

Nama : Md. Naufal Syuvari bin Md. Bahren

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125147-01. Sekolah : Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang, Tutong

Nama : Mohd. Amsyar bin Mohamad

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0114873. Sekolah : Sekolah Rendah Pintu Malim

Nama : Ahmad Zakry bin Yussof

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0121847-01. Sekolah : Sekolah Stella

### SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....

Tarikh Lahir :

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :

Sekolah :


Tahun :

Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 120

- A – 9
- C – tapi
- A – katak



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**M**EMBACA al-Qur'an merupakan suatu ibadah sunat yang mempunyai fadhilat dan ganjaran yang berlipat ganda. Orang-orang yang tekun dan gigih mengamalkan membaca al-Qur'an dan melaksanakan ajaran-ajarannya serta melakukan ketaatan-ketaatan yang lain demi mengharap keuntungan pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* adalah antara mereka yang akan dikurniakan fadhilat dan ganjaran yang berlipat ganda serta pengampunan daripadanya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*:

**Tafsirnya:** Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca Kitab Allah (al-Qur'an) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-semبunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan lagi limpah kurniaNya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Membalas dengan sebaik-baiknya (orang-orang yang bersyukur kepadaNya).

(Surah Fathir: 29-30)

Al-Qur'an juga akan memberi syafaat kepada para pembacanya pada hari Kiamat. Daripada Abu Umamah al-Bahili Radhiallahu 'anhu, beliau pernah mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** Bacalah al-Qur'an, sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada tuan-tuannya (pembaca-pembacanya).

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut para ulama, memperbaraya membaca serta tadarus al-Qur'an sangat dianjurkan di bulan Ramadhan kerana bulan Ramadhan adalah bulan yang diturunkan padanya al-Qur'an. Justeru dalam bulan Ramadhan, amalan membaca al-Qur'an lebih giat dilaksanakan sama ada secara persendirian mahupun berkumpulan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, rumah-rumah persendirian, pejabat-pejabat dan selainnya.

Dalam kesungguhan mempergiat bacaan dan tadarus al-Qur'an, adalah penting bagi kita memelihara adab-adab ketika membaca al-Qur'an untuk memperolehi pahala yang sempurna.

Salah satu adab yang dianjurkan ketika membaca al-Qur'an ialah menyudahi bacaan al-Qur'an pada tempat-tempat yang sesuai yang dikenali dengan istilah *husn al-waqf*. Dengan menyudahi bacaan al-Qur'an pada tempat *husn al-waqf* itu dengan sendirinya kita akan memulai bacaan pada tempat yang sesuai terutama apabila hendak memulai atau menyudahi bacaan pada pertengahan surah. Kebanyakan orang memahami bahawa tempat yang elok menyudahinya ialah pada ayat terakhir bagi setiap juz atau pada tanda *hizb*. Apabila

## Adab Memulai dan Menyudahi Bacaan Al-Qur'an Di Pertengahan Surah

dia hendak menyambung bacaannya pula, dia akan memulai bacaannya pada ayat permulaan juz atau *hizb* yang berikutnya. Persoalannya adakah amalan sedemikian menepati maksud *husn al-waqf*? Selain itu, dalam memulai bacaan al-Qur'an pada pertengahan surah ini adakah disunatkan membaca *Ta'awwudz* dan *Basmalah*? Maka Irsyad Hukum ini akan menjelaskan mengenainya.

### Memulai atau Menyudahi Bacaan al-Qur'an

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Adzkar* menjelaskan bahawa sunat memulai bacaan al-Qur'an atau menyudahinya pada awal cerita atau pembicaraan sesuatu perkara jika pembacaan itu dimulai atau disudahi di pertengahan surah. Kita tidak perlu terikat kepada juz, *hizb* dan *'usyur* kerana banyak antara juz, *hizb* dan *'usyur* itu terletak pada pertengahan cerita atau pembicaraan sesuatu perkara sebagaimana katanya:

**Ertinya:** Dan disunatkan bagi pembaca al-Qur'an apabila memulai (bacaan) dari pertengahan surah untuk memulakan (bacaan) dari permulaan pembicaraan yang berkaitan antara satu dengan yang lain, dan demikian juga apabila berhenti (daripada bacaan), berhenti pada (pembicaraan) yang berkaitan dan pada penyudah pembicaraan dan tidak terikat pada memulai dan tidak pada berhenti (*waqf*) itu dengan juz, *hizb* dan *'usyur*, sesungguhnya banyak daripadanya (juz, *hizb* dan *'usyur*) di pertengahan pembicaraan yang berkaitan.

Antara contoh tanda juz yang diletak pada pertengahan cerita atau pembicaraan ialah:

1. Tanda juz di awal ayat 31 surah al-Ahzab pada permulaan juz ke-22.

• وَمَنْ يَقْرَئُ مِنْ كُنْ لِلّهِ وَرَسُولِهِ وَتَعْمَلْ صَلِحًا تُؤْتِهَا أَجْرًا هَذِهِنَّ  
وَأَعْنَدَنَا لَهَا رِزْقًا شَرِيكًا

**Tafsirnya:** Dan sesiapa antara kamu yang taat kepada Allah dan RasulNya serta mengerjakan amalan salih nescaya Kami akan mengurniakan kepadanya pahala dua kali ganda dan Kami sediakan baginya rezeki (*ni'mat*) yang mulia (di surga).

Ayat ini masih berkaitan dengan cerita atau pembicaraan ayat sebelumnya dalam juz ke-21 mengenai seksaan azab dua kali ganda kepada isteri-isteri Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* jika mereka melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata pada ayat 30 dan pahala dua kali ganda kepada sesiapa di antara mereka yang taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dan RasulNya pada ayat 31 di atas. Maka menyudahi bacaan ayat al-Qur'an pada ayat 30 surah al-Ahzab atau memulai bacaan pada ayat 31 adalah tidak menepati *husn al-waqf* kerana cerita dan pembicaraan antara dua ayat tersebut masih berkaitan.

2. Tanda juz di awal ayat 28 surah Yasin pada permulaan juz ke-23.

• وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمٍ مِّنْ تَعْلِيَةٍ مِّنْ جُنْدِنَا آنَسَمَاءَ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ

**Tafsirnya:** Dan setelah dia (mati), Kami tidak menurunkan kepada kaumnya bala tentera (malaikat) dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu Kami menurunkannya.

Sekalipun ayat ini letaknya di permulaan juz ke-23, namun ayat ini adalah kesinambungan cerita *ashhabu al-Qaryah* (penduduk suatu negeri) yang dijelaskan dalam juz ke-22. Maka menyudahi bacaan ayat al-Qur'an pada ayat 27 surah Yasin atau memulai bacaan pada ayat 28 adalah tidak menepati *husn al-waqf* kerana cerita dan pembicaraan antara dua ayat tersebut masih berkaitan.

3. Tanda juz di awal ayat 47 surah Fushshilat pada permulaan juz ke-25.

• إِنَّهُ يَرِدُ عَلَمَ الْأَشْعَاعَ وَمَا تَحْرُجُ مِنْ تَعَزِّزٍ مِنْ أَخْتَانِهَا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ  
أَثْقَلَ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِ وَيَنْتَدِبِهِ أَئِنْ شَرَكَاهُ فَإِنَّهُ أَدَلُّ مَا  
مِنْ شَهِيدٍ

**Tafsirnya:** Kepada Allah jualah dikembalikan pengetahuan tentang hari Kiamat. Dan buah-buhan tidak akan keluar daripada kelopaknya dan seorang perempuan tidak akan mengandung dan tidak pula akan melahirkan anak melainkan dengan pengetahuanNya. Dan (pada) hari Allah menyeru mereka (yang musyrik dengan berfirman): "Di manakah sekutu-sekutuk?" Mereka menjawab: "Kami mengakui kepadaMu bahawa tidak ada seorang pun antara kami yang menjadi saksi (bahawa Engkau mempunyai sekutu)." Ayat ini masih berkaitan dengan cerita atau pembicaraan ayat sebelumnya dalam juz ke-24 iaitu mengenai ancaman bagi orang-orang kafir bahawa setiap orang akan menerima balasan masing-masing pada hari Kiamat pada ayat 46 di akhir juz ke-24. Manakala pada ayat 47 di permulaan juz ke-25, Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* seterusnya menjelaskan bahawa pengetahuan tentang hari Kiamat itu hanya Dia sahaja yang mengetahuinya. Maka menyudahi bacaan ayat al-Qur'an pada ayat 46 surah *Fushshilat* atau memulai bacaan pada ayat 47 adalah tidak menepati *husn al-waqf* kerana cerita dan pembicaraan antara dua ayat tersebut masih berkaitan.

Antara contoh tanda *hizb* yang diletak pada pertengahan cerita atau pembicaraan pula ialah:

Tanda *hizb* di awal ayat 203 surah al-Baqarah.

• وَأَذْكُرُوا اللّهَ فِي أَسْبَابٍ مَّعْدُودَاتٍ فَإِنْ تَعْجَلْ فَلَا إِنْ عَلِمْ  
وَمَنْ تَأْخُرْ فَلَا إِنْ عَلِمْ لَيْسَ أَنَّهُ أَنْقَنْ وَأَنْقَنْ اللّهَ وَأَعْلَمْ أَنْكُمْ إِلَيْهِ تَشْرُونَ

**Tafsirnya:** Dan berzikirlah mengingat Allah (dengan mengucap takbir) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya (iaitu pada hari-hari *Tasyrik*). Kemudian sesiapa yang bersegera (meninggalkan *Mina*) pada hari yang kedua (dan selepas dia melontar *Jamrah* pada hari itu) maka tidaklah dia berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan *Mina* dan melontar pada hari ketiga belas) maka dia juga tidaklah berdosa, (ketiadaan dosa bagi keduanya itu adalah) bagi orang-orang yang bertaqwa. Maka bertaqwah kamu kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadaNya.

Ayat ini letaknya di permulaan *hizb* keempat daripada juz kedua dalam mushaf. Ayat ini mempunyai kaitan dengan ayat-ayat sebelumnya yang menceritakan tentang hukum-hukum *Haji*. Maka menyudahi bacaan ayat al-Qur'an pada ayat 202 surah al-Baqarah atau memulai bacaan pada ayat 203 adalah tidak menepati *husn al-waqf* kerana cerita dan pembicaraan antara dua ayat tersebut masih berkaitan.

Tanda *hizb* di awal ayat 15 surah Ali 'Imran.

• قُلْ أَوْتَرْكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَلِكُمُ الَّذِينَ أَتَّقْرَبُوا إِلَيْهِمْ حَتَّىٰ تَخْرِي مِنْ  
شَهِيدٍ لَّا تَنْهَىٰ عَنِ الْقِوْمِ مِنْ تَعْلِيَةٍ مِّنْ جُنْدِنَا آنَسَمَاءَ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ

**Tafsirnya:** Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Mahukah kamu aku memberitahu kepada kamu yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan (disediakan juga) pasangan-pasangan yang suci bersih serta keredaan daripada Allah." Dan Allah Maha Melihat hamba-hambaNya.

Ayat ini letaknya di permulaan *hizb* keenam daripada juz ketiga dalam mushaf. Ayat ini mempunyai kaitan dengan ayat-ayat sebelumnya yang menceritakan tentang kecintaan terhadap harta benda dunia. Manakala ayat 15 di permulaan *hizb* keenam menjelaskan tentang sesuatu yang lebih baik daripada kecintaan terhadap harta benda dunia itu. Maka menyudahi bacaan ayat al-Qur'an pada ayat 14 surah Ali 'Imran atau memulai bacaan pada ayat

15 adalah tidak menepati *husn al-waqf* kerana cerita dan pembicaraan antara dua ayat tersebut masih berkaitan.

Ayat-ayat al-Qur'an seperti yang disebutkan di atas ini adalah antara ayat-ayat yang letaknya di permulaan juz atau *hizb* yang mempunyai kaitan dengan ayat-ayat sebelumnya. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan bahawa ayat-ayat tersebut dan yang seumpama dengannya sebaiknya tidak dijadikan tempat memulai atau menyudahi bacaan kerana ayat-ayat tersebut masih mempunyai kaitan dengan makna ayat-ayat sebelumnya.

Anjuran untuk memulai atau menyudahi bacaan pada tempat yang elok (*husn al-waqf*) ini juga bertepatan dengan tuntutan adab *tadabbur* dan *tartil* ketika membaca al-Qur'an kerana dengan kedua-duanya (*tadabbur* dan *tartil*) pembaca akan membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan perlahan dan teratur sehingga dapat memahami dan merenung makna ayat yang dibaca sesuai dengan kemampuannya.

Bagi mencapai kesempurnaan adab ini, antara inisiatif yang boleh dibuat oleh pembaca al-Qur'an ialah merujuk terjemahan ayat-ayat yang dibaca atau tafsir al-Qur'an bagi tujuan *tadabbur* serta mengenal pasti tempat memulai dan menyudahi bacaan yang sesuai.

### Ta'awwudz dan Basmalah

Adapun membaca *Ta'awwudz* dan *Basmalah* Ketika hendak memulai bacaan al-Qur'an di pertengahan surah, pembaca boleh memilih sama ada membaca *Ta'awwudz* sahaja atau membaca *Ta'awwudz* dan diikuti dengan *Basmalah*. Akan tetapi membaca *Ta'awwudz* yang diikuti dengan *Basmalah* adalah afdhal. Bahkan menurut ahli *al-Qurra'*, membaca *Basmalah* lebih ditekankan pada bacaan ayat seperti:

• وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَنَا حَيًّا مَعْرُوفَنَا وَغَيْرَ مَعْرُوفَنَا

(Surah al-An'am: 141)

**Tafsirnya:** Dan *Dialah* yang menjadikan kebun-kebun yang menjalar (*tumbuhnya*) dan yang tidak menjalar.

(Surah al-An'am: 141)

Membaca ayat di atas tanpa membaca *Basmalah* selepas *Ta'awwudz* adalah sesuatu yang tidak elok kerana menyambung terus *Ta'awwudz* dengan ayat tersebut menyebabkan kesamaran ganti nama kalimah (وَهُوَ) yang bermaksud "Dia" dalam ayat tersebut merujuk kepada seseorang.

Adapun jika seseorang itu memutus bacaannya di pertengahan surah disebabkan percakapan *ajabi* (yang tidak kena mengena dengan bacaan al-Qur'an) walaupun disebabkan menjawab salam, kemudian apabila dia hendak menyambung bacaannya, maka dia dianjurkan memulai lagi bacaannya dengan *Ta'awwudz* dan *Basmalah*. Manakala jika dia memutus bacaan disebabkan keperluan yang berkaitan bacaan itu sendiri seperti sujud tilawah atau perkara *dharuri* seperti bersin, maka dia tidak perlu memulai dengan *Ta'awwudz* dan *Basmalah*.

Jika bacaan seseorang itu terputus kerana diam yang panjang, maka dia disunatkan membaca semula *Ta'awwudz* dan *Basmalah*. Sebaliknya jika diamnya itu tidak panjang, akan tetapi diamnya itu dilakukan dengan niat untuk berhenti membaca al-Qur'an, lalu selepas itu dia hendak menyambung semula bacaannya, maka dalam hal ini dia membaca semula *Ta'awwudz* dan *Basmalah*.

Demikian penjelasan mengenai adab memulai dan menyudahi bacaan al-Qur'an di pertengahan surah.

# MAJLIS TADARUS DI MASJID KAMPUNG SUNGAI LIANG



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri selaku ketua rombongan pada Majlis Tadarus kedua berlangsung di Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait (atas dan kanan).**

**BELAIT**, Isnin, 18 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Tadarus kedua berlangsung di Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait.

Majlis Tadarus tersebut dikelolakan bersama Jabatan Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Liang.

Hadir selaku ketua rombongan pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Tenaga), JPM, Yang Mulia Awang Mohamad Azmi bin Haji

Mohd Hanifah. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga), Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Majlis didahului dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga), JPM kepada Imam Tingkat III masjid tersebut, Awang Mohd. Ikhwan bin Irwandy.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, disusuli dengan Tadarus Al-Quran bermula dari Juzuk 10 yang dimulakan oleh



ketua rombongan majlis. Majlis disudahi dengan berbuka puasa serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib secara berjemaah.

Sementara itu, Majlis Tadarus yang ketiga bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan diadakan pada Khamis, 21 Mac 2024 di

Masjid Kampung Belais, Daerah Temburong.

Majlis-majlis keagamaan sempena bulan Ramadan merupakan antara aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Selain itu, ia juga adalah bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

## KHEDN semarakkan Ramadan dengan Tadarus Al-Quran

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan rombongan hadir pada Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampung Selangan (kanan dan atas).**



**TEMBURONG**, Selasa, 19 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) petang tadi meneruskan Majlis Bertadarus Al-Quran, bertempat di Masjid Kampung Selangan, di sini.

Hadir ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Atur cara dimulakan dengan bertadarus Al-Quran dan Bacaan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Selangan dan

penyampaian wakaf disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN kepada Pemangku Imam Masjid Kampung Selangan, Awang Haji Muhammad Syahmi bin Haji Tuah, serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim.

Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Selain daripada hasrat untuk menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan, majlis juga diadakan dengan tujuan untuk menjalin hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan

KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya dengan Ahli-ahli MPMK dan pemimpin akar umbi.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung dan Ahli-ahli MPMK Daerah Temburong berserta penduduk kampung sekitarnya.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun**

**PenggunaBijak**

Alamat URL: [www.penggunabajak.com](https://www.penggunabajak.com)

Available on the App Store and Google Play

# MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN ANJURAN KKBS

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa hadir pada Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang (atas kanan), manakala gambar atas, Setiausaha Tetap (Kesukunan), KKBS menyerahkan sumbangan wakaf.

**BERAKAS,** Selasa, 19 Mac. - dan Sukan (KKBS) serta jabatan Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia



Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

Program tersebut dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Belia dan Sukan dan Jabatan Muzium-Muzium dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah secara beramai-ramai dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir

yang didahului oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Majlis disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar.

Majlis juga turut diselanjurkan dengan penyerahan sumbangan wakaf dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukunan), KKBS, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; pengarah-pengarah bahagian dan jabatan; pegawai serta kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya juga para jemaah Masjid SSBRPAD.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# PENTING

**SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR**

**BARU**

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**!**

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

منجو كريضاءن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
کلولان فوسة دعوه اسلاميه

**P**ERUBATAN Islam merupakan satu usaha dalam merawat penyakit yang berasaskan wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang dipetik daripada sumber utama Islam iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang juga diamalkan oleh junjungan agung kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Kaedah perubatan Islam atau mudah dikenali dengan perubatan tradisional juga satu jalan bagi seorang pesakit dalam mencari kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihidapi. Allah Subhanahu Wata'ala memerintah setiap hamba-Nya berusaha mencari penawar bagi setiap penyakit yang dihadapi sama ada zahir mahupun batin. Usaha tersebut merupakan satu ibadah bagi seorang Muslim yang mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 82 yang mafhumnya :

"Dan Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".

Ayat-ayat Al-Quran boleh digunakan untuk menangani penyakit mental yang berkaitan dengan hati, jiwa dan roh seperti kejahilan, kesesatan dan sebagainya. Kesejahteraan fizikal berkait rapat dengan kesejahteraan hati.

Dalam Surah Fushshilat, ayat 44 Allah

## Al-Quran sebagai penawar (penyakit rohani, jasmani)

Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Al-Quran itu menjadi petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman dan ada pun orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi penyumbat telinga mereka dan juga merupakan kegelapan yang mengaburi (pandangan) mereka. Mereka itu (seumpama) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh".

Ayat-ayat Al-Quran itu juga sebagai penawar. Ianya tiada terhad kepada ayat-ayat mahupun surah tertentu sahaja, malah keseluruhan Al-Quran itu adalah ubat atau penawar. Al-Quran itu *Kalamullah* (kata-kata Allah) dan Dia yang Maha Berkua ke atas semua. Dengan rahmat dan kuasa-Nya juga boleh menyembuhkan segala pelbagai penyakit. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syu'ara, ayat 78 - 80 yang mafhumnya :

"Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepadaku. Dan Dialah yang memberi aku makan dan minum. Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku".

Tiada kesembuhan semata-mata dan juga tiada afiat dan kesihatan melainkan yang datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yunus, ayat 107 yang mafhumnya :

"Dan jika Allah menimpakan engku dengan sesuatu kemudaratuan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengapuskannya melainkan Dia, dan jika Dia menghendaki sesuatu kebaikan bagimu, maka tidak akan sesiapa pun yang dapat menolak limpah kurnia-Nya. Dia melimpahkan kurnia-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari

kalangan hamba-hamba-Nya. Dan adalah Dia Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Setiap penyakit tu pasti ada ubatnya. Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan penyakit dan juga penawarnya. Setiap sesuatu yang terjadi pada manusia tu mempunyai sebab-sebab yang tertentu yang dikaitrapatkan dengan perbuatan atau tingkah laku seseorang. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar memberitahu kepada sesiapa yang bertanyakan mengenai roh, bahawa roh itu adalah urusan Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap sesuatu yang menimpah manusia termasuk penyakit dan permasalahan mempunyai sebab musabab. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 85 yang mafhumnya :

"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakanlah : "Roh itu adalah daripada urusan Tuhanmu dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja".

Ada satu kisah di mana berdoa dan zikir itu juga sebagai penyembuh penyakit. Kisah itu mengenai Nabi Ayyub 'alaihissalam yang mendapat ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sakit yang amat menderita. Amat luar biasa penyakitnya sehingga sampai tahap kemuncak penderitaan, lalu Nabi Ayub 'alaihissalam bermunajat, merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiyya', ayat 83 yang mafhumnya :

"Dan (ingatlah kisah) Nabi Ayyub ketika dia berdoa kepada Tuhaninya : "(Ya Tuhanmu)! Sesungguhnya aku ditimpa penyakit dan

Engku adalah Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih".

Lalu dengan itu Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi dengan ayat seterusnya, Surah Al-Anbiyya', ayat 84 yang mafhumnya :

"Maka Kami memperkenankan doanya lalu Kami menghapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami mengurniakan kembali kepadanya sejumlah keluarganya seperti sebelumnya dan (bahkan) Kami melipatgandakan bilangan mereka sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan peringatan bagi orang-orang yang sentiasa beribadat kepada Kami".

Maka dari ayat tersebut seseorang yang sakit mahupun sihat digalakkan untuk memperbanyak doa serta zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memohon secara bermunajat dan keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala mengkabulkan doanya dengan kesembuhan.

Kesimpulannya *Kalamullah* iaitu Al-Quran adalah penyembuh paling sempurna bagi semua penyakit jiwa, tubuh badan dan meliputi segala penyakit. Bukan sahaja sekadar penyembuh malahan juga sebagai pelindung atau pemelihara diri sendiri. Al-Quran sebagai wahyu Allah tidak sekali-kali akan lapuk dan binasa kerana kedudukannya yang agung dan suci serta amulia di sisi-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 21 yang mafhumnya :

"Kalaualah Kami menurunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engku melihat gunung itu tunduk terpecah belah kerana takutkan Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir".

# MEMPERBANYAK PERWAKILAN WANITA DALAM PROFESION KESELAMATAN, KESIHATAN



**SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa berucap pada forum berkenaan.**

Beliau berkata, lebih banyak perwakilan wanita dalam profesion keselamatan dan kesihatan akan memberi peluang untuk membawa perspektif yang berbeza, meningkatkan empati dan pemahaman terhadap profesion tersebut dan ia amat berfaedah apabila mengenal pasti potensi bahaya.

Menurutnya, dalam perlindungan keselamatan dan kesihatan wanita di tempat kerja, risiko berkaitan kerja terhadap keselamatan dan kesihatan wanita telah dipandang remeh dan diabaikan berbanding

dengan lelaki.

"Sehubungan itu, pertimbangan khusus perlu diambil kerana wanita menghadapi cabaran yang berbeza dengan lelaki dalam industri bekerja seperti tugas kerja yang diselaraskan untuk wanita hamil, memastikan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang sesuai, mengurangkan jumlah had berat bagi pengendalian manual, mengehadkan pendedahan bahan berbahaya yang boleh menjadikan kesuburan wanita dan perkembangan janin serta mengambil kira bahaya psikososial yang secara khusus memberi kesan kepada wanita akibat perubahan hormon dan lain-lain," ujarnya semasa Forum Memperkasa Wanita dalam Keselamatan dan Kesihatan yang berlangsung di Auditorium, Tingkat 1, Bangunan Design & Technology, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Oleh itu jelasnya lagi, menerapkan perspektif jantina adalah satu lagi pendekatan holistik ke arah tempat kerja untuk menjadikan semua orang berasa lebih selamat dan dilindungi di tempat kerja mereka termasuk wanita.

Beliau seterusnya menjelaskan, perwakilan dan sumbangan wanita memainkan peranan penting dalam memastikan perkara seperti dasar dan membuat keputusan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah merangkumi jantina.

Dari segi sejarah tambahnya lagi, bidang keselamatan dan kesihatan dilihat sebagai kawasan yang

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman**

didominasi lelaki, namun, dengan perubahan dalam jangkaan dan kepercayaan masyarakat, ruang diberikan kepada wanita.

"Oleh itu, kita tidak boleh leka kerana lebih banyak yang boleh dan harus dilakukan untuk terus menyokong dan menggalakkan wanita dalam mencapai aspirasi dan potensi penuh mereka. Ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang komited untuk memastikan peluang yang sama ke arah membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta mencapai kesihatan dan keselamatan bertaraf dunia," ujarnya.



**SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di JPM semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Memperkasa Wanita dalam Keselamatan dan Kesihatan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 Mac. - Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib menyatakan, kerjaya dalam bidang keselamatan dan kesihatan lazimnya dianggap kurang menarik memandangkan peratusan peserta lelaki yang tinggi.

## Perwakilan wanita penting pastikan perlindungan yang memadai



**PENGARAH Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, JPM, Dr. Hajah Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pegawai SHENA, Dayang Nurul Zakiah binti Haji Md. Taib semasa sesi pembentangan (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 Mac. - Bersempena dengan Hari Wanita Sedunia, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengadakan Forum Memperkasa Wanita dalam Keselamatan dan Kesihatan.

Lebih 70 peserta terdiri daripada pekerja dan kakitangan pejabat-pejabat di Anggerek Desa Technology Park dan pegawai serta Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang berdaftar dengan SHENA hadir pada forum yang diadakan di Auditorium, Tingkat 1, Bangunan Design & Technology, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato

Seri Paduka Haji Talib yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah SHENA.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sementara SHENA, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Taufik dalam ucapan alu-aluan menjelaskan,

walaupun laporan daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) menyatakan sebanyak 39.9 peratus tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah terdiri daripada kaum wanita akan tetapi berdasarkan daripada data SHENA setakat ini, hanya sebanyak 21 peratus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja dan 16 peratus Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang berdaftar di bawah SHENA adalah terdiri daripada kalangan kaum

wanita.

Beliau menekankan, perwakilan wanita di jabatan-jabatan dan jawatankuasa adalah penting untuk memastikan perlindungan yang memadai bagi keselamatan serta kesihatan kaum Wanita.

Jelasnya, satu contoh adalah kemasukan pekerja wanita sebagai sebahagian daripada kumpulan pengurusan risiko untuk memastikan penilaian risiko yang komprehensif dengan mengambil kira bahaya, risiko dan kawalan yang perlu bagi golongan rentan seperti wanita yang mengandung.

Forum diisikan dengan pembentangan bertajuk, 'Pematuhan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 yang Inklusif Wanita' oleh Pegawai SHENA, Dayang Nurul Zakiah binti Haji Md. Taib.

Acara turut diisikan dengan sesi pembentangan daripada panel-panel terdiri daripada Pengarah Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, JPM, Dr. Hajah Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin mengenai 'Kesihatan dan Keselamatan sebagai Laluan Kerjaya bagi Wanita'; Pengurus HSE, TotalEnergies EP (Brunei) B.V, Dayang Salawati binti Kassim dengan tajuk, 'Pertimbangan Khusus Keselamatan dan Kesihatan bagi Wanita di Tempat Kerja' dan Pengurus HSE, Berakas Power Company Sdn. Bhd., Dayang Siti Nuranati binti

Haji Saman mengenai 'Peranan Organisasi dalam Memastikan Penjagaan Keselamatan dan Kesihatan Wanita di Tempat Kerja'.

Forum berakhir dengan perbincangan interaktif bersama panel dengan berkongsi idea mengenai peranan tempat kerja dalam perlindungan keselamatan dan kesihatan wanita, cara-cara untuk menggalakkan wanita mengikuti bidang keselamatan dan kesihatan serta aspirasi masa depan bagi wanita dalam keselamatan dan kesihatan di NBD.

Selaras dengan tema Hari Wanita Sedunia tahun ini iaitu 'Inspire Inclusion', forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang penglibatan kaum wanita dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyediakan platform untuk mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik serta juga memberi inspirasi dan menggalakkan kaum wanita untuk menyumbang secara aktif terhadap pembangunan Sektor Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di NBD.

# SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, PERKUKUH SIFAT PERPADUAN



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 19 Mac. - Dalam hasrat untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal

Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCl pagi tadi mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bagi 330 pelajar Tahun 7, 8 dan 9 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien bertempat di Auditorium, maktab berkenaan, di sini.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One

Identity, One Community). Turut dipromosikan semasa taklimat berkenaan ialah aplikasi mudah alih 'We ASEAN' yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara anggota ASEAN (ASEAN Member States), kalender ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video.

Aplikasi tersebut merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCl mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bagi 330 pelajar Tahun 7, 8 dan 9 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien.

(SCI) ASEAN- COCI yang boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

Juga hadir, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Norliza binti Suhailee, serta para tenaga pengajar sekolah berkenaan.



## MINDA PEMBACA

### Menyambut Ramadan penuh berkah

**B**ULAN Ramadan merupakan bulan suci dalam agama Islam di mana umat Islam diwajibkan untuk berpuasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari selama satu bulan penuh. Selain itu, bulan ini juga dianggap sebagai bulan penuh berkah, ampunan, dan kesempatan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Membuat persiapan menjelang bulan Ramadan adalah sesuatu yang penting bagi umat Islam untuk memastikan bahawa mereka bersedia untuk menyambut bulan yang mulia ini dengan baik. Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan rahmat, ampunan, dan keberkatan, oleh itu, adalah penting

untuk membuat persediaan yang mencukupi untuk menghadapinya dengan penuh kebersediaan. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan dalam persediaan menyambut Ramadan adalah dari aspek penyediaan makanan dan minuman. Adalah penting untuk memastikan bekalan makanan dan minuman adalah mencukupi untuk berbuka dan sahur. Ini termasuklah membeli bahan-bahan makanan asas seperti beras, gula, tepung serta buah-buahan dan sayur-sayuran segar. Selain daripada itu juga, persediaan dari segi spiritual adalah sama pentingnya juga selain dari persediaan fizikal. Ini termasuklah meningkatkan

amalan ibadah seperti solat, membaca Al-Quran, berzikir, dan melakukan amalan-amalan kebaikan lain.

Manakala, dari segi penjagaan masa pula, penting bagi kita untuk sentiasa memastikan kita dapat menggunakan masa dengan efektif dalam menuaikan ibadah dan melakukan aktiviti lain yang berfaedah. Kesedaran sosial di bulan Ramadan juga perlu dititik beratkan dengan melakukan amalan-amalan kebaikan seperti sedekah, menolong orang yang memerlukan, dan menyumbang kepada yang memerlukan. Yang terakhir sekali adalah kita hendaklah sentiasa memastikan kesihatan dan kesejahteraan fizikal

kita dalam masa membuat persediaan menyambut Ramadan. Ini termasuk menjaga pemakanan yang seimbang, senaman yang mencukupi, dan mendapatkan rehat yang cukup.

Dengan membuat persediaan yang mencukupi dan menyeluruh, kita dapat menyambut Ramadan dengan penuh keberkatan dan memanfaatkan setiap momen untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Ramadan kali ini memberikan rahmat dan keberkatan kepada kita semua.

Nama : Nur Fajrina binti Haji Osman  
No. K/P: 01-061XXX

**Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari’. Tarikh Tutup : 20 Mac 2024
- ‘Lakukan Perubahan Tangani Obesiti’. Tarikh Tutup : 27 Mac 2024
- ‘Kepentingan Persiapan Kewangan Untuk Hari Tua’. Tarikh Tutup : 3 April 2024

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :  
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# PENJENAYAH DALAM 7 ROMPAKAN BERSIRI TERIMA HUKUMAN

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menangkap dua lelaki warganegara Malaysia dan seorang lelaki warganegara Indonesia yang terlibat dalam tujuh rompakan bersiri yang telah menimbulkan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan penduduk di negara ini.

Rompakan bersiri yang berlaku pada tahun 2023 antara bulan Julai dan Disember, di Daerah Tutong dan di Daerah Brunei dan Muara telah membabitkan kerugian lebih BND72,000.

Dalam usaha menangkap individu-individu yang terlibat dalam kes-kes ini, PPDB melalui Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) telah menubuhkan satu pasukan khas yang melibatkan pegawai dan anggota dari beberapa jabatan dan formasi pasukan di negara ini dan diketuai oleh Unit Siasatan Khas (USK), JSJ.

Tindakan siasatan dan risikan intensif telah dijalankan dengan gigih termasuk juga bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya Ibu Pejabat Polis Daerah Limbang, Sarawak bagi bantuan menjelaki penjenayah-penjenayah berkenaan.

Siasatan mendapati, penjenayah-penjenayah berkenaan telah memasuki dan keluar dari negara ini melalui 'jalan-jalan tikus' bagi mengelakkan diri dari dikesan oleh pihak berkuasa semasa berada di negara ini bagi melakukan penjenayah-penjenayah rompak berkenaan.

Pada 13 Februari 2024, di Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam, ketiga-tiga individu ini telah dituduh di bawah Seksyen 395 dan Seksyen 398, Kanun Hukuman Jenayah iaitu bagi kesalahannya Rompakan Berkumpulan dan Rompakan Berkumpulan Bersenjatakan Dengan Senjata Maut.

Sementara itu, pada 14 Mac 2024, semua yang dituduh telah selesai dijatuhi hukuman seperti berikut iaitu Mohd. Saiful Rizal bin Sinen, dihukum 10 tahun pemerintahan dan 12 sebatan; Muhammad Amin bin Zabidi, dihukum 12 tahun pemerintahan dan 12 sebatan dan Sakriadi bin Saharuddin, dihukum 8 tahun pemerintahan dan 12 sebatan.

PPDB mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi dan orang ramai yang telah bekerjasama dalam penyiasatan kes dan turut bekerjasama dalam membantu menyalurkan maklumat yang berkaitan sehingga tertangkapnya penjenayah-penjenayah ini.

PPDB akan terus komited dan tegas dalam usaha membanteras kegiatan jenayah dan memastikan keselamatan masyarakat terjaga. Dalam masa yang sama, PPDB penuh berharap agar masyarakat akan terus berwaspada dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang dalam menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah yang berlaku di persekitaran masing-masing.

## Penutupan sementara tangga besar Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Siaran Akhbar : Jabatan Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa tangga besar Stadium Negara Hassanal Bolkiah ditutup sementara dari awal bulan Mac hingga kerja-kerja pemasangan *turnstile* selesai dilaksanakan.



### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

# Kenali Bahasa Brunei

**Batalatai** bermaksud berjalan selangkah demi selangkah dengan cara berpegang pada sesuatu seperti kerusi atau meja, biasanya kanak-kanak yang mulai belajar berjalan.  
Contoh pemakaian kata : **batalatai** udah anak mu?

**Satagal** bermaksud sebentar atau sekejap.  
Contoh pemakaian kata : ka supanggal ku **satagal**.

**Tanai-tanai** bermaksud ternanti-nanti dalam keadaan tangan terhulur untuk menerima atau memberi sesuatu.  
Contoh pemakaian kata : bah jawati daulu naindah ani, **tanai-tanai** ku lagi antadi.

**Bapadah** bermaksud memberitahukan, menyampaikan, atau memaklumkan khabar, berita, dan sebagainya.  
Contoh pemakaian kata : ada ia **bapadah** kadiaku di malam Wang Dulah, anaknya yang bungsu itu kan kawin ujung taun ani.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS**



Foto : Azmah Haji Ahad

## Cucur Labu Lemak Manis Kampung Lambak

#### BAHAN-BAHANNYA :

- 2 cawan labu (yang sudah diparut)
- 1 setengah cawan tepung gandum
- 1 sudu serbuk tepung penaik (baking powder)
- 3/4 cawan gula pasir
- 1 paket serbuk santan
- Secubit garam
- Air secukupnya

#### CARA MEMASAK :

Buah labu terlebih dahulu diparut

(digarut) kemudian dicuci dan toskan.

Setelah itu, dalam satu bekas, isi buah labu yang telah diparut lalu dicampurkan dengan gula kemudian tepung gandum yang sudah diajak bersama serbuk tepung penaik dan digaul lalu dimasukkan air sehingga adunan menjadi sederhana kental. Kepekatan adunan tertakluk kepada cita rasa masing-masing.

Sediakan minyak untuk mengoreng. Setelah minyak panas, kaut sesudu makan adunan tadi (ukuran saiz cucur ikut cita rasa masing-masing) lalu masukkan ke dalam minyak yang telah disediakan tadi. Gorenglah sehingga menjadi gorengan cucur seperti lazimnya. Setelah masak, bolehlah diangkat dan toskan lebih minyak. Sedia untuk dihidang.



## Hiasi Ramadan dengan membaca Al-Quran

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**ULAN Ramadan yang baru sahaja beberapa hari kita lalui dipenuhi dengan pelbagai nikmat, rahmat dan ganjaran besar kepada orang beriman yang mengerjakan ibadat puasa dengan tekun dan sabar. Dengan kelebihan yang terdapat dalam bulan Ramadan ini sudah setentunya adalah umat Islam di negara ini bahkan di seluruh dunia menanti-nantikan kedatangan bulan Ramadan dengan penuh kegembiraan dan ketakwaan untuk merebut pelbagai ganjaran dalam melaksanakan setiap amalan atau kebajikan.

Setiap umat Islam memang mengetahui bahawa setiap amalan kebaikan yang kita lakukan di dalam bulan yang penuh mubarak ini akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya atau sesudahnya. Justeru, pelbagai kegiatan keagamaan sering dilakukan semata-mata untuk merebut ganjaran yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyemarakkan bulan yang penuh mubarak ini. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bermaksud : "Rasulullah bersabda, barang siapa yang berpuasa pada Ramadan semata-mata kerana imannya kepada Allah dan mengharapkan pahala daripada Allah, maka akan diampunkan dosanya yang lalu".

### Bertadarus merebut pahala

Ramadan merupakan waktu yang amat istimewa bagi umat Islam di seluruh dunia. Di bulan inilah Al-Quran diturunkan dan menjadi petunjuk kepada manusia untuk membezakan di antara kebenaran dan kepaluan.

Justeru, dalam bulan Ramadan ini, salah

satu pendekatan yang boleh diambil oleh umat Islam ialah dengan membaca, menghayati dan memahami nilai-nilai serta khatam kitab suci Al-Quran sebagai amalan harian.

Dalam merebut fadilat yang tersembunyi itu, selain daripada mengerjakan ibadat puasa juga sering menjadi perhatian umat Islam dengan menyemarakkan bulan Ramadan yang mubarak ini dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih yang hanya dikerjakan ketika datangnya bulan Ramadan sahaja. Juga amalan yang sering menjadi perhatian umat Islam pada bulan Ramadan ini ialah memperbanyakkan membaca kitab suci Al-Quran ataupun dikenali dengan bertadarus yang mana di dalam bulan inilah Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan Al-Quran kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan merupakan mukjizat yang paling agung kepada Baginda.

Majlis bertadarus atau membaca ayat-ayat suci Al-Quran pada bulan ini adalah suatu amalan yang tidak akan dilepaskan begitu sahaja kerana apabila tiba bulan Ramadan, pelbagai golongan masyarakat Islam di negara ini akan membuat amal ibadat seperti memperbanyakkan membaca Al-Quran atau bertadarus bagi menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan.

Justeru bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang dibaca oleh umat Islam di negara ini akan berkumandang sama ada di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan rumah-rumah persendirian yang memang menjadi amalan umat Islam di negara ini bukan sahaja pada bulan Ramadan tetapi juga bulan-bulan yang lain. Apa yang lebih ketara lagi ialah dalam bulan Ramadan ini Majlis Bertadarus sering diadakan setiap malam yang mana pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan serta pertubuhan atau

persatuan mengadakan majlis seumpamanya sama ada secara perseorangan atau perkumpulan bagi menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini.

Di negara ini Majlis Bertadarus di sepanjang bulan Ramadan sering dikendalikan secara bergilir-gilir di beberapa buah masjid dan surau di Daerah Brunei dan Muara begitu juga di daerah-daerah lain di negara ini. Majlis Bertadarus bermula dengan membaca Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan disusuli dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran daripada juz pertama secara bergilir-gilir sehingga Khatam Al-Quran. Setiap malam, masjid-masjid tidak kira masjid utama atau masjid kampung, surau-surau, balai-balai ibadat dan juga tidak kurang rumah-rumah perseorangan di seluruh tanah air akan berkumandang suara umat Islam bertasbih dan membaca ayat-ayat suci Al-Quran bagi memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Tradisi menyemarakkan dan memuliakan Ramadan pada setiap malam merupakan amalan orang-orang Brunei sejak dahulu lagi sehingga ke hari ini. Kegiatan seperti ini diharap akan merupakan satu amalan yang akan terus dipertahankan oleh golongan belia. Oleh itu, mereka ini perlulah dilatih dan diajak bersama dan sentiasa menjadikan orang-orang tua kitani yang kuat beragama dan memimpin masyarakat muda sebagai ikutan untuk terus membuat amalan sedemikian. Tidak hairanlah, jika kita perhatikan pada setiap malam, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat dipenuhi dengan penyertaan daripada golongan belia, muda remaja dan kanak-kanak sekolah dalam menyemarakkan lagi majlis tersebut. Sesungguhnya penglibatan dan penyertaan mereka itu sangat bermakna dan ia merupakan satu manifestasi yang jitu dalam usaha kita

melahirkan masyarakat yang berilmu dan beriman, di samping mendidik jiwa dengan sifat takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kita berharap penyertaan mereka beramai-ramai itu akan berterusan dan tidak hanya di dalam bulan Ramadan sahaja mereka bersembahyang dan membaca Al-Quran, bahkan juga pada bulan-bulan yang lain untuk tetap diteruskan amalan seperti ini.

Pada bulan Ramadan yang mubarak ini kita dianjurkan memperbanyakkan membaca Al-Quran sehingga khatam (bertadarus). Ganjaran pahala amat besar seperti dijelaskan dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Hakim bermaksud : "Barang siapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah (Al-Quran) maka ia mendapat pahala untuk tiap huruf satu kebajikan dan tiap-tiap satu kebajikan itu berlipat ganda 10 kali ganda, saya tidak berkata alif, lam, mim, itu satu huruf tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf".

Di samping itu juga marilah kita rebut peluang yang ada selagi badan sihat dan umur masih ada, kerana kelebihan yang terdapat pada bulan Ramadan ini tidak terdapat dalam bulan-bulan yang lain seperti malam yang lebih baik daripada seribu bulan, maka kita penuhilah, hiasilah bulan Ramadan ini dengan mengerjakan Sembahyang Tarawih, bertadarus Al-Quran, Qiamullail serta membanyakkan amal kebajikan. Mudah-mudahan segala amalan kita itu akan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga. Semoga Allah akan memberikan rahmat di dunia dan di akhirat kepada kita serta bertambah kukuhlah lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.



# KEBULURAN DI GAZA DIJANGKA TIDAK DAPAT DIEELAKKAN

**KUALA LUMPUR**, 19 Mac. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata analisis terkinidaripada Integrated Food Security Phase Classification (IPC) mencerminkan keadaan yang meruncing dihadapi penduduk Gaza.

Ketua Pengarah WHO Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata lebih sejuta orang dijangka menghadapi kelaparan melainkan lebih banyak makanan dibenarkan masuk ke Gaza.

"Sebelum krisis ini, makanan adalah mencukupi untuk populasi di Gaza. Pemakanan tidak seimbang jarang berlaku. Sekarang, mereka sedang menunggu ajal dan ramai yang sakit," katanya dalam kenyataan WHO yang disiarkan dalam lawan sesawang rasmi agensi itu.

IPC yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata keseluruhan penduduk Semenanjung Gaza berjumlah 2.23 juta itu menghadapi ketidakstabilan bekalan makanan yang teruk.

Menurut laporan itu antara pertengahan Mac hingga pertengahan Julai, senario yang mungkin terjadi dengan anggapan konflik ini terus merebak termasuk serangan darat di Rafah, separuh daripada populasi

atau 1.1 juta orang di Semenanjung Gaza dijangka menghadapi bencana. Ia juga berkata kebuluran kini dijangka berlaku dan tidak dapat dielakkan di utara Gaza serta seluruh kawasan pentadbiran Gaza dan dijangka menjadi kenyataan dari pertengahan Mac hingga Mei 2024.

Ghebreyesus berkata laporan IPC mengesahkan bahawa WHO, rakan kongsi PBB dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menyaksikan dan membuat laporan selama berbulan-bulan.

"Apabila wakil kami tiba di hospital, kami menemukan pekerja kesihatan yang keletihan dan kelaparan meminta makanan dan air. Kami menyaksikan pesakit dalam proses penyembuhan selepas pembedahan untuk menyelamatkan nyawa dan kehilangan anggota badan atau menghidapi kanser atau diabetes, ibu yang baharu saja melahirkan anak atau anak damit baharu dilahirkan, semuanya menderita kelaparan dan penyakit dihidapi mereka," katanya.

Beliau berkata : "Tanpa peningkatan ketara dan segera dalam penyampaian makanan, air dan keperluan penting yang lain keadaan akan bertambah buruk. Hampir

kesemua isi rumah tiada makanan yang mencukupi setiap hari dan orang dewasa mengurangkan makanan mereka supaya kanak-kanak dapat makan".

Ghebreyesus berkata keadaan semasa ini akan mengakibatkan kesan jangka panjang kepada kehidupan dan kesihatan ramai. "Pada masa ini kanak-kanak menghadapi kematiatan daripada gabungan pemakanan tidak seimbang dan penyakit. Pemakanan tidak seimbang menjadikan mereka mudah untuk jatuh sakit, mengalami pemulihian yang lambat atau mati apabila mereka dijangkiti penyakit.

"Kesan jangka panjang pemakanan tidak seimbang, kurang pengambilan makanan yang kaya dengan zat makanan, jangkitan berulang dan kurang kebersihan dan perkhidmatan sanitasi memperlambangkan keseluruhan tumbesaran kanak-kanak. Ini akan menjadikan kesihatan dan kesejahteraan keseluruhan generasi akan datang," katanya.

Ghebreyesus berkata WHO dan rakan kongsi PBB yang lain telah meminta Israel supaya membuka lebih banyak laluan untuk menyeberangi sempadan dan mempercepatkan

kemasukan dan penyampaian air, makanan, bekalan ubat-ubatan dan lain-lain bantuan kemanusian ke Gaza.

"Adalah menjadi tanggungjawab Israel di bawah undang-undang antarabangsa untuk membernarkan laluan untuk bekalan, termasuk makanan. Usaha menyampaikan bantuan melalui jalan udara dan air baru-baru ini dialu-alukan tetapi

dengan meluaskan penghantaran melalui jalan darat akan membolehkan penyampaian bantuan berskala besar dilakukan untuk mengelakkan kebuluran. Sekarang adalah masa untuk bertindak," katanya. - ©BERNAMA

## Kastam P.Pinang rampas rokok seludup bernilai RM7.92 juta

**BUTTERWORTH**, 19 Mac. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas sembilan juta batang rokok putih dianggarkan bernilai RM7.92 juta termasuk cukai, dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang, Selangor pada 7 Mac lepas.

Pengarah JKDM negeri Roselan Ramli berkata rokok berkenaan ditemukan hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang ditahan ketika berlabuh di pelabuhan itu kira-kira 10.40 pagi.

"Hasil pemeriksaan rapi ke atas kontena tersebut telah menemukan sebanyak 900 kotak mengandungi sembilan juta batang rokok putih disyaki tidak berkastam bernilai anggaran RM1.8 juta dan cukai RM6.12 juta," katanya pada sidang media di stor penguatkuasaan Bagan Jermal, di sini hari ini.

Roselan berkata kontena itu disyaki berasal dari negara di Asia Tenggara dan dikendalikan oleh syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang serta diimport oleh sebuah syarikat berstatus sendirian berhad di Selangor.

Menurutnya modus operandi digunakan adalah dengan mengikrak dagangan itu sebagai perabot bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Beliau berkata rokok tersebut dipercayai untuk pasaran tempatan bagi kegunaan pekerja di ladang dan tapak pembinaan, bagaimanapun siasatan lanjut masih dijalankan termasuk mengesan suspek yang terlibat.

Kes disiasat mengikut Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976. - ©BERNAMA

## Putin dahului pilihan raya Presiden Rusia

**MOSCOW**, 18 Mac. - Vladimir Putin mendahului pilihan raya presiden di Rusia dengan 87.15 peratus undi, selepas 80 peratus undi dikira, menurut data Suruhanjaya Pilihan Raya Pusat Rusia (CEC) pada Isnin, lapor Sputnik.

Pencabar Putin, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Artik dan Timur Jauh Dewan Rakyat Nikolai Kharitonov menduduki tempat kedua setelah menerima 4.22 peratus undi.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Vladislav Davankov pula menduduki tempat ketiga diikuti Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Dewan Rakyat, Leonid Slutsky dengan masing-masing memperoleh 4.04 peratus undi dan 3.16 peratus undi. - ©BERNAMA

## Jepun selesai tahun pertama pelepasan air radioaktif terawat Fukushima

**TOKYO**, 18 Mac. - Loji kuasa nuklear (NPP) Fukushima telah menyelesaikan tahun pertama pelepasan air radioaktif terawat ke laut walaupun menerima bantahan dari dalam dan luar negara, menurut pengendali loji itu lapor Xinhua.

Tokyo Electric Power Company (TEPCO) pada Ahad berkata loji itu menyelesaikan fasa keempat dan terakhir pelepasan air radioaktif terawat untuk tahun fiskal semasa yang berakhir pada Mac.

Mengikut rancangan awal, lebih 31,000 tan air terawat yang mengandungi tritium radioaktif akan dilepaskan ke laut bermula Ogos 2023 dengan setiap pusingan dijalankan selama kira-kira dua minggu.

Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) Rafael Grossi pada awal minggu ini menekankan usaha berterusan dalam memantau pelepasan air radioaktif terawat di lautan Jepun dari loji berkenaan susulan lawatan pertamanya ke wilayah Fukushima sejak pelepasan air terawat bermula.

Walaupun kerajaan Jepun dan TEPCO telah menegaskan keselamatan dan keperluan pelepasan air terawat, keimbangan telah dibangkitkan dari negara jiran dan pemegang kepentingan tempatan mengenai impak alam sekitar. Seorang nelayan dari bandar Shinchi di Fukushima, Haruo Ono berkata semua nelayan membantah pelepasan air radioaktif terawat ke laut.

Menurut beliau, air tercemar itu telah masuk ke kawasan yang mereka anggap bernilai dan proses berkenaan akan berterusan sekurang-kurangnya selama 30 tahun. - ©BERNAMA

## Syarikat China bina RTS hubungkan Malaysia-Singapura

**BEIJING**, 18 Mac. - Pembinaan landasan berkembar Sistem Transit Laju (RTS) Johor Bahru-Singapura dijangka selesai menjelang penghujung tahun 2026.

Perkhidmatan RTS sepanjang kira-kira empat kilometer itu apabila siap kelak mampu menghantar 10,000 penumpang pada setiap jam dan dijangka mendorong hubungan dan kerjasama Malaysia-Singapura dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pertukaran keanggotaan sosiosbudaya.

Pada peringkat awal pembinaan projek tersebut, Syarikat

Pembinaan Laluan Lintas China di Malaysia sebagai pihak kontraktor menganjurkan 'bengkel mentor-mentee' untuk membantu meningkatkan kemahiran teknikal pekerja tempatan khususnya dalam bidang pembinaan jambatan.

Pegawai projek tersebut, Zhao Zhifeng berkata pihaknya bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan tetapi turut komited membantu pekerja tempatan menjadi tenaga penting dalam pembinaan projek terbabit bahkan pembinaan infrastruktur negaranya sendiri melalui latihan vokasional

berkenaan.

Sementara itu, pengurus pejabat projek jambatan tinggi RTS Syarikat Pembinaan Laluan Lintas China di Malaysia, Huang Yili, berkata pihaknya bukan sahaja membawa rancangan, teknologi dan kebijaksanaan China ketika menjalankan pembinaan projek di negara asing, malah turut menerima dan membantu memupuk sebahagian pekerja tempatan yang bertanggungjawab dan berkemampuan dalam melaksanakan projek pembinaan di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI). - ©BERNAMA

## Presiden Korea Selatan syor cari kaedah untuk majukan demokrasi, lindungi individu

**SEOUL**, 18 Mac. - Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol pada Isnin menggesa masyarakat antarabangsa untuk bekerjasama mencari kaedah bagi memajukan demokrasi dan melindungi keselamatan individu dalam penggunaan teknologi digital baharu.

"Dengan rasa tanggungjawab yang mendalam, kita mestilah bertukar-tukar pandangan dan menggabungkan kepakaran kita supaya kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital yang baharu muncul dapat meningkatkan demokrasi selain memastikan keselamatan

individu dan masyarakat," katanya. Beliau membuat gesaan itu semasa permulaan persidangan peringkat menteri bagi Sidang Kemuncak Demokrasi ketiga yang dihoskan oleh Korea Selatan dengan tema "Demokrasi untuk Generasi Akan Datang," lapor Agensi Berita Yonhap.

Yoon menekankan bahawa mesyuarat menteri bertemakan "AI, Teknologi Digital dan Demokrasi" akan memberi peluang kepada peserta untuk mendalami kedua-dua kelebihan dan cabaran yang ditimbulkan oleh teknologi digital. "AI dan kemajuan teknologi

digital membawa visi manusia ke dalam dunia nyata di luar batasan masa dan ruang di dunia sebenar. Bagaimanapun, maklumat palsu dan salah yang dibantu oleh AI dan teknologi digital tidak hanya menjelaskan kebebasan individu dan hak asasi manusia tetapi juga membahayakan sistem demokrasi," katanya.

Sidang Kemuncak Demokrasi yang dilancarkan pada tahun 2021 dan dipelopori oleh Amerika Syarikat (AS), bertujuan untuk memperkuuh demokrasi dan menentang autoritarianisme di seluruh dunia. - ©BERNAMA

## Indonesia umumkan keputusan rasmi pilihan raya di 33 wilayah

**JAKARTA**, 18 Mac. - Suruhanjaya Pilihan Raya Umum (KPU) Indonesia telah mengumumkan keputusan rasmi pengiraan undi untuk pilihan raya umum (Pemilu) 2024 di 33 daripada 38 wilayah, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Jawa Barat, Papua, Papua Pegunungan, Barat Daya Papua, Maluku adalah antara wilayah yang belum diumumkan," kata Pengerusi

KPU Hasyim Asy'ari lewat Ahad. Keputusan pengundian semula Pemilu yang dilaksanakan di ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur dari 9 hingga 10 Mac juga akan diumumkan.

Indonesia mengadakan pilihan raya umum 2024 pada 14 Feb untuk memilih wakil badan perundangan di peringkat nasional dan wilayah selain daripada Presiden dan Naib

Presiden. Tiga gandingan calon untuk presiden dan naib presiden adalah Anies Baswedan, bekas Gabenor Jakarta, di samping Muhammin Iskandar, bekas Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi.

Calon lain adalah Menteri Pertahanan Prabowo Subianto, Datuk Bandar Solo dan anak sulung Presiden Joko Widodo, Gibran Rakabuming Raka dan

juga bekas Gabenor Jawa Tengah Ganjar Pranowo bersama bekas Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum, dan Keamanan Mahfud MD. Keputusan rekapitulasi di peringkat wilayah menunjukkan kemasukan dan penyampaian air, makanan, bekalan ubat-ubatan dan lain-lain bantuan kemanusian ke Gaza.

dengan meluaskan penghantaran melalui jalan darat akan membolehkan penyampaian bantuan berskala besar dilakukan untuk mengelakkan kebuluran. Sekarang adalah masa untuk bertindak," katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## BOLA SEPAK FIFA SERIES PELUANG BERHARGA BINA KEYAKINAN PEMAIN



PASUKAN Bola Sepak Kebangsaan dan delegasi FABD diketuai oleh Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff berlepas ke Arab Saudi bagi menyertai Perlawanan Bola Sepak FIFA Series yang akan berlangsung di Arab Saudi.

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Selasa, 19 Mac. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai peluang terbaik untuk menampilkan aksi di pentas antarabangsa pada perlawanan Bola Sepak FIFA Series yang akan berlangsung di Arab Saudi.

Perlawanan julung kali yang dianjurkan FIFA itu akan beraksi di empat buah negara yang menjadi hos venue perlawanan yang bermula pada 18 sehingga 26 Mac 2024.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan telah dipilih untuk mewakili AFC dan dijadualkan akan bertemu dengan pasukan Bermuda dari Persekutuan Bola Sepak CONCACAF pada 22 Mac dan bertemu dengan pasukan Vanuatu, wakil dari QFC, pada 26 Mac ini.

Kedua-dua perlawanan dijadualkan berlangsung di Stadium King Abdullah Sport City, Jeddah.

Perlawanan berkenaan merupakan salah satu inisiatif FIFA untuk mempromosi perlawanan antarabangsa di seluruh dunia yang mengumpulkan pasukan-pasukan kebangsaan dari enam konfederasi dalam perlawanan antara benua semasa jendela perlawanan FIFA.

Menurut statistik dari FIFA, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan NBD kini berada di kedudukan 194 dan pasukan Bermuda berada dalam kedudukan 171, manakala Vanuatu, 170.

Serentak dengan itu, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) juga menerima jemputan Lawatan Rasmi daripada Persatuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) bagi menjalin hubungan baik dan merapatkan kerjasama dalam memajukan pembangunan bola sepak bagi kedua-dua belah pihak.

Delegasi FABD diketuai oleh Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff dan disertai oleh anggota Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pegawai-pegawai Pembangunan Bola Sepak FABD serta Pegawai Pengadil dan Pemasaran.

Dua pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyertai delegasi sebagai inisiatif pelaksanaan kerjasama FABD bersama dengan agensi kerajaan yang berkaitan.

Dalam siri lawatan rasmi itu, Presiden FABD akan mengadakan perbincangan dengan

Presiden SAFF, Yasser Misehal; disusuli dengan beberapa mesyuarat dan lawatan ke venue-venue pembangunan bola sepak SAFF di Jeddah dan Riyadh.

Aspek pembangunan bola sepak peringkat dewasa, bola sepak wanita, pembangunan akar umbi dan belia, infrastruktur, program futsal, program sukan untuk atlet keperluan khas menjadi fokus utama lawatan delegasi FABD.

Ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Presiden FABD mengaku berbesar hati atas jemputan Presiden SAFF dan segala perbelanjaan delegasi yang ditanggung oleh persatuan berkenaan.

Menurutnya, Presiden SAFF telah memberikan input yang positif melalui bantuan dan sokongan yang diberikan terhadap Pasukan Bola Sepak Kebangsaan NBD.

"Kami dari FABD akan menggunakan peluang yang diberikan ini dengan sebaiknya. Malahan saya telah menzahirkan komitmen untuk meningkatkan tahap permainan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dalam masa dua hingga tahun ini agar sebanding dengan para pemain bola sepak dari Arab Saudi," ujar beliau.

Meskipun berhadapan dengan masalah bajet, beliau memberitahu keutamaan akan diberikan kepada kebijakan para pemain menerusi pembayaran eluan mereka.

Menurutnya, beliau bersama pasukannya sedia memberikan sokongan kepada para pemain dan berharap terdapat perubahan positif dengan sokongan para pemintat bola sepak tempatan terhadap niat mereka selaras dengan manifesto yang telah dibuat sebelum lantikan.

Sementara itu, Jurulatih Kebangsaan Pasukan NBD, Mario Rivera berkata, meskipun masa tidak mencukupi untuk para pemain menjalani latihan, terdapat peningkatan dalam prestasi para pemain.

"Kami tidak membuat persediaan terlalu lama kerana masa rehat yang panjang tanpa sebarang permainan selepas menyertai Liga Singapura pada bulan Disember yang lalu.

"Latihan biasanya memerlukan masa enam hingga tujuh minggu dan kira-kira 40 sesi latihan. Namun para pemain kali ini cuma menjalankan 25 sesi latihan," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau menasihati para pemain bola sepak kebangsaan untuk

## Hampir 700 sertai sesi pemilihan bola sepak kebangsaan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Selasa, 19 Mac. - Hampir 700 pemain bola sepak berusia 17 tahun ke bawah hadir menyertai sesi pemilihan untuk diserapkan ke dalam Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dan seterusnya mewakili negara bagi Kejohanan Bola Sepak Bawah 16 Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) di Indonesia pada tahun ini.

Sesi pemilihan yang diadakan selama dua malam di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) itu membuka peluang bagi pemain-pemain warga tempatan yang mewakili dari kelab-kelab mahupun persendirian dari semua daerah khususnya mereka yang lahir pada tahun 2008, 2009 dan 2010.

Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff ketika ditemui tidak menyangka ia mendapat sambutan luar biasa daripada pemain-pemain ini.

"Apa yang saya lihat, terdapat beberapa pemain memamerkan kemahiran yang sangat baik di mana mereka mempunyai asas (basic) permainan, reaksi, anticipation serta visinya. Justeru, saya berharap para jurulatih dapat benar-benar memastikan para pemain itu dipilih disebabkan oleh performance yang mereka tunjukkan," ujarnya.

Menurutnya, para jurulatih yang dipertanggungjawabkan pada sesi pemilihan ini terdiri daripada mereka yang pernah terlibat semasa Piala Hassanal Bolkiah (HBT) yang lalu.

Beliau turut menyeru orang ramai khususnya para ibu bapa yang ingin menyerapkan anak-anak mereka agar memberi keyakinan kepada FABD untuk membuktikan bahawa negara ini mempunyai banyak pemain bola sepak yang berpotensi.

Awang Haji Feisal turut menegaskan agar para ibu bapa supaya jangan timbul

keimbangan atau kekhawatiran jika anak-anak mereka akan tercicir daripada pelajaran disebabkan banyak terlibat dalam bola sepak kerana pihak FABD tidak hanya menumpukan terhadap sukan semata-mata.

Ini kerana tambahnya, pihak FABD telah pun membuat perbincangan bersama Menteri Pendidikan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana keduanya telah menzahirkan sokongan mengenai hasrat FABD untuk melatih dan memberikan tanggungjawab ke atas pemain-pemain bola sepak muda ini.

Jelasnya lagi, beliau juga telah mencadangkan bagi penubuhan sebuah urus setia penyelaras yang mana akan diselenggarakan oleh beberapa buah jabatan dan bahagian sama ada secara langsung atau tidak secara langsung terlibat sama dalam mengendalikan bola sepak.

Dengan adanya urus setia ini jelasnya, kita akan dapat memudah cara segala keperluan seperti pelepasan pemain, sama ada dalaman atau luaran.

Sementara itu, Awang Haji Omar bin Haji Jamil, salah seorang jurulatih di bawah FABD, pula menjelaskan, kira-kira 20 orang jurulatih terlibat untuk sesi pemilihan berkenaan yang mana merupakan bekas-bekas pemain yang pernah menjuarai Piala Malaysia tahun 1999 dan juga mereka yang mempunyai Sijil Jurulatih daripada Konfederasi Bola sepak Asia (AFC).

Menurutnya daripada jumlah yang ikut serta pada sesi pemilihan tersebut, hanya 25 pemain terbaik yang nanti akan diserapkan masuk ke pasukan kebangsaan. Tambahnya, sesi latihan juga akan diadakan nanti selepas Hari Raya Aidilfitri iaitu bagi persiapan menjelang kejohanan yang akan diadakan Republik Indonesia pada bulan Jun ini nanti.



ANTARA pemain bola sepak berusia 17 tahun ke bawah yang hadir menyertai sesi pemilihan untuk diserapkan ke dalam Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dan seterusnya mewakili negara bagi Kejohanan Bola Sepak Bawah 16 Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) di Indonesia pada tahun ini.

membina keyakinan semasa perlawanan nanti.

"Jika mereka berasa yakin semasa perlawanan tersebut, kita akan dapat menyaksikan persembahan yang baik dari

mereka," katanya.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dan delegasi FABD berlepas ke Arab Saudi, pagi tadi.

**BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)**

**JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI PETUNJUK SERTA PENAWAR**